

No. Kelas:

No Perolehan:

Tarikh:

**SINKRETISME DI KALANGAN MASYARAKAT TEMUAN
DI KAMPUNG LUBUK BANDUNG, MELAKA**

Saya mengajukan permohonan untuk mendapat ijazah Sarjana Muda Sastera di Universiti Malaya bagi program studi Sarjana Muda Sastera dengan maklumat bahawa makalah yang dibuat dalam bahasa Inggeris.

Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Dr. Noor Hish Mohd. Salleh dan Dr. Hoong Kee Neo dan Universiti Malaya atas sokongan mereka pada penulisan makalah.

**HO HWEE SIAN
No. Matrik: 059469**

**Latihan Ilmiah
Bagi Memenuhi Sebahagian
Daripada Syarat-syarat Untuk
Ijazah Sarjana Muda Sastera**

**Jabatan Antropologi dan Sosiologi,
Universiti Malaya,
59100 Kuala Lumpur**

Sesi 1993/94

Penghargaan

Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Encik Juli Edo selaku penyelia latihan ilmiah ini. Segala tunjuk ajar, bimbingan dan nasihat beliau tidak akan saya lupakan.

Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Dr. Hood Haji Mohd. Salleh dan Dr. Hasan Mat Nor dari Universiti Kebangsaan Malaysia atas nasihat mereka pada permulaan kajian.

Jasa-jasa penduduk Kampung Lubuk Bandung yang telah membolehkan saya menyelesaikan kajian ilmiah ini tidak akan saya lupakan. Saya mengambil kesempatan di sini mengucapkan jutaan terima kasih kepada keluarga Pakcik Ahat b. San Fook iaitu keluarga angkat saya, Abang Chia Fong Sin, Kak Aton dan Pakcik San Ah Kin b. San Fook yang semuanya merupakan informan utama pengkaji.

Terima kasih juga diucapkan kepada pihak Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Kuala Lumpur dan bahagian Melaka yang banyak memberi kerjasama dan data-data rasmi yang diperlukan.

Akhir sekali, terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam proses penyelesaian latihan ilmiah ini.

Sinopsis

Kajian fenomena sinkretisme di kalangan masyarakat Orang Asli Temuan ini merangkumi tiga jenis kepercayaan luar iaitu kepercayaan Cina, Hindu dan Melayu yang menerap masuk ke dalam sistem kepercayaan penduduk Kampung Lubuk Bandung. Penerimaan kepercayaan Cina paling menonjol dan menarik di antara tiga jenis kepercayaan tersebut. Sistem kepercayaan masyarakat Temuan ialah sistem kepercayaan mirip animisme. Fenomena sinkretisme akan dibincangkan melalui konsep-konsep roh atau semangat, keramat atau datuk, nenek moyang, penyembahan, perayaan dan upacara. Sinkretisme kepercayaan Cina dapat dilihat daripada semua konsep yang dikemukakan. Apa yang lebih menarik ialah penerimaan penduduk Kampung Lubuk Bandung daripada segi perayaan-perayaan Cina iaitu Tahun Baru Cina, Cheng Beng, Perayaan Kuih Chang, Pesta Kuih Bulan dan Pesta Kuih Yi yang jarang berlaku di kalangan Orang Asli. Sinkretisme kepercayaan Hindu atau Melayu dihuraikan dalam semua kepercayaan yang diikuti semasa upacara perkahwinan dilangsungkan. Faktor-faktor dan kesan berlakunya fenomena sinkretisme juga disentuh dalam kajian ini.

Synopsis

This is a study about syncretism among the Temuan people in Kampung Lubuk Bandung, Malacca which consist of three beliefs-Chinese, Malay and Hindu. Syncretism in Chinese belief among the indigenous people is the most interesting and unique of the three beliefs. Temuans' belief is more animistic. Concepts such as soul and spirit, the saint which the people call Keramat or Datuk, the ancestors, worship, festivals and ceremony will be discussed. The influence of Chinese syncretism can be seen in all the concepts above. It is interesting to note that the Temuan people celebrate Chinese New Year, Cheng Beng, Dragon Boat Festival and Dong Jie festivals which are not common among the indigenous people. Syncretism in Malay and Hindu beliefs will be discussed in the wedding ceremony of Temuan people. This study will also discuss the factors and causes of syncretism in the Temuan people.

KANDUNGAN

Judul Tesis	i
Penghargaan	ii
Sinopsis	iii
Synopsis	iv
Daftar Kandungan	v
Daftar Jadual	ix
Daftar Carta	ix
Daftar Peta dan Pelan Lakaran	ix
Daftar Lukisan	x
Daftar Gambar	x

Bab 1 Pengenalan

1.0	Pendahuluan	1
1.1	Tujuan dan Skop Kajian	2
1.2	Kaedah Penyelidikan	3
	1.2.1 <u>Pilot survey</u> /Kontak awal dengan responden ..	3
	1.2.2 Penyelidikan melalui perpustakaan dan agensi-agensi penting	3
	1.2.3 Pemerhatian ikut serta	4
	1.2.4 Temuramah	5
	1.2.5 Informan utama	5

1.3	Kesulitan-kesulitan Semasa Pengumpulan Data ..	6
1.4	Kajian-kajian Lepas	8
1.5	Faktor-faktor Berlakunya Sinkretisme	9
1.6	Konsep-konsep	12
1.6.1	Roh dan Semangat	13
1.6.2	Keramat	14
1.6.3	Nenek moyang	15
1.6.4	Penyembahan	15
1.6.5	Perayaan	16
1.6.6	Upacara	16

Bab 2 Masyarakat Orang Asli Melaka dan Masyarakat Kajian

2.1	Masyarakat Orang Asli Melaka	18
2.1.1	Taburan Kampung Orang Asli dan penduduknya ..	18
2.1.2	Kepimpinan, Ekonomi dan Sosial	18
2.2	Masyarakat Kajian di Kampung Lubuk Bandung ..	24
2.2.1	Lokasi Kampung Lubuk Bandung.. ..	24
2.2.2	Legenda dan Sejarah Kampung Lubuk Bandung ..	25
2.2.3	Penduduk	28
2.2.4	Ekonomi	33
2.2.5	Kepimpinan	37
2.2.6	Pendidikan	38
2.2.7	Kehidupan Seharian	39

Bab 3 Sistem Kepercayaan Masyarakat Temuan
Kampung Lubuk Bandung

3.0	Pendahuluan	48
3.1	Keramat dan Nenek Moyang	48
3.2	Roh dan Semangat	51
3.3	Jenis-jenis Hantu	52
3.4	Penggunaan Tangkal Dan Jampi	59
3.5	Pantang Larang	63
3.6	Cerita-cerita Dongeng	67
3.7	Kesimpulan	73

Bab 4 Perayaan-perayaan Cina Dalam Masyarakat Temuan
Kampung Lubuk Bandung

4.0	Latar Belakang Sambutan Perayaan-perayaan Cina ..	84
4.1	Perayaan Tahun Baru Cina	87
4.2	Perayaan <u>Cheng Beng</u>	88
4.3	Perayaan Kuih <u>Chang</u>	90
4.4	Pesta <u>Tang Lung</u>	91
4.5	<u>Dong Jie</u>	92
4.6	Kesimpulan	93

Bab 5 Upacara Perkahwinan dan Pengebumian

5.0	Pendahuluan	96
5.1	Upacara Perkahwinan	97
5.1.1	Peminangan	97
5.1.2	Pertunangan	98
5.1.3	Majlis berinai, persandingan dan penikahan	98
5.2	Upacara Pengebumian	103

Bab 6 Kesimpulan 112

Bibliografi 118

Daftar Jadual

	Hlm.
1. Bio-Data Kampung-kampung Orang Asli di Melaka	21
2. Butir-butir Kekeluargaan di Kampung Lubuk Bandung	30
3. Pasangan Perkahwinan Campur Cina-Temuhan Pada Tahun 30an, 50an dan 60an serta Keturunan-keturunan Mereka	85
4. Nisbah lelaki Cina dan perempuan Cina Pada Tahun-tahun 20an, 40an dan 60an di Daerah Jasin	85

Daftar Carta

1. Taburan Umur dan Jantina Kampung Lubuk Bandung (April 1993)	29
2. Hubungan Persaudaraan Di Antara Keluarga-keluarga di Kampung Lubuk Bandung	32

Daftar Peta dan Pelan Lakaran

1. Peta 1: Taburan Orang Asli di Semenanjung Malaysia	19
2. Perkampungan Orang Asli, Negeri Melaka	20
3. Peta 2: Kedudukan Kampung Lubuk Bandung di Daerah Jasin	26
4. Pelan Lakaran Kampung Lubuk Bandung, Melaka	27
5. Peta Lakaran Kampung Lubuk Bandung, Melaka	34

Daftar Lukisan

1. Hantu Polong	77
2. Langsuir dan Pontianak	78
3. Hantu Kubur, Hantu Raya dan Hantu Toyol	79
4. Hantu Dondong dan Hantu Semburu	80
5. Hantu Cempahak dan Cennaku	81
6. Hantu Tinggi dan Hantu Bohotak/Sekok	82
7. Hantu Bajos dan Hantu Pengkol	83
8. Gambarajah Liang Lahad	104

Daftar Gambar

1. Kampung Lubuk Bandung di Simpang Bekoh yang berdekatan dengan sempadan Johor-Melaka.	41
2. Rumah Kediaman Pakcik Ahat bin San Fook atas perbelanjaan sendiri. Ia diambil sewaktu Tahun Baru Cina, pada 23.1.1993.	41
3. Rumah Melati Abang Chia Fong Sin sumbangan kerajaan.	42
4. Menoreh getah ialah kegiatan ekonomi yang utama.	42
5. Penjualan koko kering merupakan hasil pertanian kedua penting selepas getah.	43
6. Perniagaan bebiri mendatangkan pendapatan yang lumayan.	43
7. Tabika KEMAS di Simpang Bekoh.	44
8. Rameze(kanan) diantar ke Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan(China).	44
9. Satu-satunya sekolah menengah di Simpang Bekoh.	45
10. Pakcik Bujang b. Budin mengeringkan daun mengkuang	

yang akan dianyam menjadi tikar.	45
11. Permainan sepak takraw digemari oleh pemuda pemudi kampung.	46
12. Gotong royong menyiapkan rumah Abang Pau Eng Hau	46
13. Kanak-kanak bermain pasir di halaman rumah.	47
14. Penyembahan Keramat atau Datuk di belakang rumah batin San Ka Chang semasa perayaan Kuih Chang.	75
15. Satu tempat pemujaan nenek moyang keluarga Pau ala Cina di rumah Makcik Liap.	75
16. Tumbuhan bernama Bonglai boleh berfungsi sebagai tangkal di belakang rumah Pakcik Ahat.	76
17. Pelbagai kuih muih dihidangkan semasa Perayaan Tahun Baru Cina.	94
18. Membuat kuih <u>Chang</u> dengan inti utama daging ayam.	94
19. Pemujaan nenek moyang semasa Perayaan Kuih <u>Chang</u> . Kedua-dua gambar menunjukkan yang mendiang San Fook dan Enam.	95
20. Kanak-kanak Kampung Lubuk Bandung bermain <u>Tang Lung</u> dalam perayaan Pesta <u>Tang Lung</u> .	95
21. Perkahwinan Abang Roslee dan Kak Roshima ala Melayu.	110
22. Penggunaan bujam amat penting dalam upacara perkahwinan penduduk kampung.	110
23. Kubur yang mendiang Enam ala Cina dan Melayu.	111
24. Kubur yang mendiang Chia Mok Seng berdekatan dengan kampung.	111

1.1 Tujuan dan Skop Kajian

Oleh yang demikian, kajian ilmiah ini bertujuan memaparkan sinkretisme di kalangan Orang Asli Temuan yang sebelum ini belum pernah dikaji secara mendalam. Laporan awal tentang keujudan sinkretisme di kampung ini telah dibuat oleh Lee Kok Joo(1976).

Dalam penyelidikan ini, pengkaji ingin memberi penekanan kepada penerapan unsur-unsur perayaan Cina dan kepercayaan Cina dalam kehidupan penduduk Kampung Lubuk Bandung. Penerapan unsur-unsur kepercayaan Melayu telah lama berlaku di kalangan Orang Asli Temuan berbanding dengan sinkretisme dari segi kepercayaan Cina. Ini memandangkan kontak yang lebih awal di antara mereka berbanding dengan orang-orang Cina yang berhijrah kemudian. Selain daripada unsur-unsur kepercayaan Cina, unsur-unsur kepercayaan Melayu dan Hindu turut dipaparkan. Kajian juga bertujuan melihat kesan sinkretisme ke atas perhubungan dan interaksi dengan kaum-kaum lain di sekitar mereka.

Skop kajian ini akan menumpu kepada aspek kepercayaan yang meliputi animisme, perayaan-perayaan dan upacara-upacara perkahwinan dan pengebumian. Faktor-faktor berlaku sinkretisme dan kesannya juga dibincangkan. Sebanyak lima belas buah keluarga yang terdiri daripada enam puluh tiga orang penduduk terlibat sebagai sampel.

1.2 Kaedah-kaedah Penyelidikan

1.2.1 Pilot survey atau kontak awal dengan responden

Pengkaji mengadakan satu kontak awal atau pilot survey dengan penduduk kampung sebelum memulakan penyelidikan pada 24hb. Disember 1992 hingga 26hb. Disember 1992 selama dua hari satu malam untuk mendapatkan gambaran awal tentang kawasan kajian sebagai persediaan untuk membuat penyelidikan lanjutan. Sebelum itu, pengkaji telah mendapat banyak maklumat daripada laporan Lee Kok Joo dan sekumpulan pelajar Jabatan Antropologi dan Sosiologi Universiti Malaya di bawah kursus Etnografi AL204 pada bulan Oktober, 1992. Laporan ini telah memberi banyak maklumat dan memudahkan kontak awal dijalankan. Pengkaji telah berhubung terus dengan keluarga Encik Ahat bin San Fook atau Pakcik Ahat selaku Jenang Kampung Lubuk Bandung yang mesra dan dengan besar hati beliau telah menerima pengkaji sebagai anak angkat. Selepas itu, pengkaji ditemani oleh cucu-cucu Pakcik Ahat memperkenalkan diri kepada penduduk dan menjelaskan tujuan pengkaji berada di situ. Hasil kontak awal ini telah menyakinkan pengkaji untuk menjalankan kerja lapangan di kampung tersebut.

1.2.2 Penyelidikan melalui perpustakaan dan agensi-agensi penting

Kaedah ini sangat penting sebelum dan selepas penyelidikan dijalankan sesuai dengan kajian yang bersifat ilmiah ini. Pada peringkat awal, pengkaji telah cuba mendapatkan kajian-kajian lepas tentang kes-kes sinkretisme dan bahan-bahan rujukan yang berkenaan. Selepas kerja lapangan dijalankan, pengkaji merujuk konsep-konsep yang terlibat seperti roh dan semangat, keramat,

neneh moyang, perayaan, penyembahan dan upacara daripada teori-teori pengkaji awal untuk dikaitkan dalam konsep-konsep atau bidang penyelidikan ini. Pengkaji telah banyak membuat rujukan di perpustakaan Universiti Malaya . Data-data dari Jabatan Hal Ehwal Orang Asli juga amat penting untuk melengkapkan laporan penyelidikan. Pengkaji telah mendapat maklumat-maklumat semasa dan data-data kependudukan kampung tersebut daripada pegawai Jabatan Hal Ehwal Orang Asli di Alor Gajah sebelum memulakan kajian.

1.2.3 Pemerhatian ikut serta

Penyelidikan ini melibatkan kaedah pemerhatian ikut serta yang memerlukan pengkaji menjadi pemerhati dalam komuniti yang dikaji dan pada masa yang sama menyertai dalam aktiviti harian mereka(Crane, J. G. & Angrosino, M. V., 1974 :63). Sebagaimana yang dianjurkan oleh kaedah ini, pengkaji telah tinggal selama satu setengah bulan di Kampung Lubuk Bandung iaitu pada 20hb. April sehingga 28hb. Mei,1992 dan 22hb. Jun sehingga 27hb. Jun, 1992 secara berasingan. Pengkaji memerhati dan menyertai cara hidup penduduk kampung sepanjang hari. Di samping itu, pengkaji juga sempat menyertai sebahagian perayaan-perayaan mereka seperti Tahun Baru Cina, Hari Kuih Chang dan Pesta Tang Lung. Selain daripada itu, pengkaji mengambil gambar sebagai fakta tambahan atau pengukuhan untuk menyokong hujah-hujah pengkaji.

1.2.4 Temuramah

Kajian ini turut dijalankan secara temubual formal dan tidak formal. Kaedah ini penting untuk mengemukakan data-data yang diperolehi sebelumnya supaya data-data itu tidak merupakan sesuatu yang diada-adakan. Di samping itu, kaedah ini juga penting untuk mengetahui sesuatu fakta baru dan secara mendalam. Melalui cara ini, dari semasa ke semasa pengkaji telah mengetahui banyak pengetahuan baru dan menarik untuk ditokok tambah dalam penyelidikan pengkaji.

1.2.5 Informan utama

Kaedah ini turut memberi sumbangan yang besar dalam penyelidikan ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Perliti J. Pelto & Gretel H. Pelto.

"This methodology has been, of course, indispensable for recovering information about ways of living that have ceased to exist, or have been sharply modified, by the time the fieldworker arrives on the scene."
(1978: 71)

Dalam penyelidikan ini, pengkaji telah mengambil tiga orang informan utama iaitu Pakcik Ahat, Encik San Ah Kin atau Pakcik Ah Kin selaku Jurukerah kampung dan Encik Chia Fong Sin atau Abang Chia. Selaras dengan saranan Pelto dan Pelto:-

"the anthropologist usually finds that only a small number of individual in any community are good key informants." (Pelto & Pelto, 1978: 72)

1.3 Kesulitan-kesulitan Semasa Pengumpulan Data

Semasa mengumpul data, pengkaji memang menghadapi beberapa kesulitan dan tidak dapat diatasi pada masa itu. Kesulitan awal timbul di peringkat pengumpulan data dari perpustakaan dan agensi-agensi tertentu. Rujukan tentang topik sinkretisme amat berkurangan. Bahan-bahan bacaan yang diingini tercatat dalam sistem OPAC(On-line Public Access Catalog) atau Sistem Katalog Awam Talian Terus tetapi tidak ada pada rak yang ditentukan. Kesemua ini hampir-hampir melemahkan semangat pengkaji untuk menggunakan perpustakaan Universiti Malaya yang dianggap paling lama sejarahnya. Apabila diadukan kepada pihak berkenaan, mereka tidak berupaya mengatasinya.

Pada keseluruhannya, pengkaji menghadapi paling banyak kesulitan semasa dalam proses temuramah dengan responden. Soalan-soalan yang memerlukan pendapat sering dibalas dengan pendek dan sukar untuk dihuraikan. Untuk mengatasinya, pengkaji memberi sedikit petunjuk untuk memudahkan responden melafazkan idea mereka sendiri. Pengkaji turut berhadapan dengan responden yang tidak sabar dan tidak suka melayan persoalan-persoalan yang ditujukan. Oleh itu, pengkaji mesti sabar dan berhenti menanya jika responden tidak berminat untuk menjawap lagi. Kadang-kala pengkaji perlu menyimpan persoalan untuk beberapa hari lamanya sehingga keadaan mengizinkan iaitu bila responden dalam keadaan riang dan tidak sibuk dalam pencarian nafkah hidup.

Seperkara lagi, penduduk di tempat kajian kebanyakannya menoreh getah pada pagi hari dan menguruskan kebun koko atau menternak biri-biri secara bergilir-gilir pada petang hari. Oleh itu, masa kajian adalah pendek sekali. Biasanya, masa kajian ialah selepas pukul sebelas pagi dan waktu senja sahaja. Pengkaji jarang sekali bertanya pada waktu malam kerana memahami waktu malam ialah waktu rehat penduduk dan perhimpunan sekeluarga. Tambahan pula, kebanyakan penduduk tidur awal. Oleh itu, pengkaji menggunakan masa-masa itu untuk menganalisa, menyusun semula data-data serta membaca buku-buku. Bagaimanapun, sekali-kala pengkaji mengunjungi mereka pada waktu malam khasnya waktu bercerita rakyat yang sesuai diadakan pada waktu malam.

Satu masalah lagi ialah tentang sikap defensif pengkaji. Semasa dalam kajian, pengkaji bersifat berwaspada terhadap responden-responden tertentu setelah diingatkan oleh penduduk kampung. Secara tidak langsung, pengkaji tidak berapa berminat untuk merujuk persoalan kepada responden tersebut sungguhpun responden itu adalah penting.

Pada keseluruhannya, kerja lapangan pengkaji berjalan dengan lancar. Oleh itu, kesulitan-kesulitan yang didapati adalah dianggap sebahagian kecil daripada proses kajian dan dianggap sebagai satu pengalaman yang berharga.

1.4 Kajian-kajian Lepas

Kajian-kajian yang mendalam mengenai sinkretisme di kalangan masyarakat Temuan boleh dikatakan tidak ada. Walaubagaimanapun, proses sinkretisme pernah disentuh oleh Amran Kasimin(1991) di kalangan masyarakat Melayu dan Orang-orang Ulu di Johor. Kajian beliau boleh dijadikan panduan memandangkan pada awal bukunya itu, beliau mengkaji evolusi budaya Melayu yang dipengaruhi oleh animisme diikuti oleh Hinduisme, Buddhisme dan akhir sekali Islam. Seterusnya beliau telah membandingkan proses sinkretisme yang berlaku ini kepada Orang-orang Ulu di Johor yang banyak menerima kepercayaan Melayu.

Selain daripada itu, kajian mengenai asimilasi dan integrasi di kalangan orang-orang Asli turut berkaitan dengan kajian ini. Pengkaji telah merujuk kajian-kajian awal seperti dalam tesis Ph. D. Dr. Baharon Azhar(1973) dan kajian Azizah Kassim(1978). Hasil-hasil kajian ini menunjukkan beberapa unsur ajaran Islam dan Hindu telah meresapi sistem kepercayaan Orang-orang Temuan. Umpamanya, kajian Azizah Kassim menunjukkan aspek-aspek ini dari segi asal-usul manusia, kepercayaan kepada keramat, hantu-hantu, jampi, tangkal, upacara-upacara kelahiran yang berunsur kepercayaan bangsa tertentu. Aspek-aspek ini penting dalam mengkaji sinkretisme. Di samping itu, laporan-laporan oleh pelajar antropologi dan sosiologi melalui penyelidikan singkat kursus Etnografi AL204 dan laporan oleh Lee Kok Joo banyak membantu

pengkaji mendapat gambaran tentang sistem kepercayaan di kampung.

1.5 Faktor-faktor Berlakunya Sinkretisme

Pengkaji mengemukakan tiga faktor utama yang mendorong berlakunya sinkretisme daripada segi kepercayaan Cina, Melayu dan Hindu di kalangan masyarakat Temuan Kampung Lubuk Bandung iaitu:-

- 1.5.1 Faktor Sejarah
- 1.5.2 Kedekatan
- 1.5.3 Rationaliti

1.5.1 Faktor Sejarah

Faktor sejarah merujuk khas kepada sejarah keturunan hasil perkahwinan Temuan dan Cina pada tahun-tahun tiga puluhan hingga enam puluhan. Ia merupakan faktor utama menyebabkan berlakunya sinkretisme di Kampung Lubuk Bandung. Penduduk kampung setelah mengalami beberapa peristiwa bersejarah seperti Perang Dunia Kedua dan Darurat menjadikan kampung ini didominasikan oleh mereka yang berketurunan hasil perkahwinan campur Cina dan Temuan. Secara tidak langsung, penduduk yang berketurunan Cina-Temuan telah menerapkan sebahagian kepercayaan bapa mereka. Faktor ini menjadi faktor utama perayaan-perayaan Cina boleh dilangsungkan secara kolektif di Kampung Lubuk Bandung. Kepercayaan Cina juga turut

mempengaruhi penduduk terhadap cara penyembahan keramat dan nenek moyang.

1.5.2: Kedekatan

Kedekatan di antara masyarakat Temuan dengan masyarakat Melayu dan Cina pada pendapat pengkaji merupakan faktor yang penting juga membolehkan berlakunya fenomena sinkretisme di antara etnik. Kedekatan dengan masyarakat Melayu misalnya berlaku lebih awal daripada masyarakat-masyarakat lain seperti Cina dan India khasnya telah membolehkan fenomena sinkretisme berlaku di antara dua etnik. Dalam tesis Ph. D. Baharon Azhar Raffie'i ada menjelaskan:-

"Historically, interactions between the indigenous animist peoples in the Peninsular and the wider world have been confined mainly to those with the Malays. The greatest degree of Orang Asli Malay interactions appears to have been that between Temuans and the local Malay communities. These centuries old relations and interactions have resulted in various degrees of assimilation of elements of Malay culture on the part of the Orang Asli groups concerned." (Dahlan H. M. ed.1976: 43).

Petikan ini jelas menunjukkan interaksi yang disebabkan oleh faktor kedekatan di antara masyarakat Orang Asli khasnya Temuan dengan masyarakat Melayu telah membawa fenomena asimilasi. Bagaimanapun, istilah akulturasi lebih tepat menerangkan fenomena penerapan budaya Melayu di kalangan masyarakat Orang Asli. Penerapan budaya dapat dilihat daripada segi perhiasan rumah, pemakaian, penggunaan nama Melayu seperti Rokiah, Hasan, Sanusi

dan lain-lain serta istilah bin dan binti juga dipakai. Sinkretisme kepercayaan Melayu dalam masyarakat Temuan tidak banyak kecuali dalam kepercayaan semasa pelangsungan upacara perkahwinan penduduk Kampung Lubuk Bandung yang ala Melayu. Upacara ini pula sebenarnya berasal daripada masyarakat Hindu.

Selain daripada masyarakat Melayu, kedekatan penduduk Kampung Lubuk Bandung dengan orang Cina juga memudahkan perkahwinan campur berlaku yang seterusnya melahirkan fenomena sinkretisme di antara dua etnik ini. Yang mendiang San Fook misalnya bekerja sebagai mandur di ladang getah Asahan berdekatan dengan Kampung Lubuk Bandung berkenalan dengan yang mendiang Enam melalui kawan seorang Jawa. Yang mendiang Goh Kam dan Pau Wei Lip berasal dari kampung jiran iaitu Kampung Baru Cina Parit Keliling. Yang mendiang Tan Li Chin dan Chia Mok Seng pula masing-masing bekerja berdekatan di Ladang Leong Teck di Rim dan Ladang Lau Leong, Jasin berdekatan dengan Kampung Lubuk Bandung. Kini, faktor kedekatan ini telah membawa perkahwinan campur generasi muda penduduk kampung dengan etnik-etnik lain seperti Melayu dan India juga.

1.5.3 Rationaliti

Pada kebiasaannya, seseorang akan memilih sesuatu secara rationalnya jika beliau diberi beberapa pilihan. Maka, penduduk Kampung Lubuk Bandung berdasarkan teori yang sama akan memilih cara hidup dan kepercayaan yang paling sesuai dengan kehidupan mereka. Mereka menerima sambutan perayaan-perayaan Cina tetapi bukan keseluruhan sistem kepercayaan Cina ialah satu langkah yang rational dan bijak. Sistem kepercayaan Cina khas

kepercayaan rakyat melibatkan pelbagai dewa dewi dan adat istiadat. Secara puratanya, sebuah keluarga Cina akan memuja dewa langit, memilih di antara dewa Guan Yin, Buddha, Toa Pek Kong, Guan Di Ye, dewa monyet dan sebagainya. Selain daripada itu, mereka juga menyembah dewa dapur dan nenek moyang. Setiap dewa yang dipuja di rumah perlu disembahyangkan setiap hari, diraikan semasa perayaan dan semasa harijadinya. Pada pendapat penduduk Kampung Lubuk Bandung, sistem kepercayaan Cina amat rumit dan membebankan mereka daripada segi perbelanjaan dan masa yang terlibat. Adalah didapati sistem kepercayaan penduduk kampung yang mirip animisme lebih sesuai dengan corak kehidupan mereka.

Perayaan-perayaan Cina diterima memandangkan suasana kemeriah dan mengembirakan. Tambahan pula, penduduk Kampung Lubuk Bandung tidak mempunyai sistem perayaan sendiri. Begitu halnya dengan upacara perkahwinan Melayu yang meriah dan mengembirakan sesuai diadakan dalam kontek kehidupan perkampungan. Daripada segi kepercayaan, sistem kepercayaan yang tidak bercanggahan dengan sistem kepercayaan penduduk kampung boleh diterima. Contohnya, cara penyembahan nenek moyang dan keramat ala Cina diwarisi daripada nenek moyang Cina hingga hari ini.

1.6 Konsep-konsep

Dalam penyelidikan ini, pengkaji mengemukakan konsep-konsep yang berkaitan dengan proses sinkretisme dan akan digunakan dalam penyelidikan ini. Di antaranya:-

- 1.6.1 Roh dan semangat
- 1.6.2 Keramat
- 1.6.3 Nenek moyang
- 1.6.4 Penyembahan
- 1.6.5 Perayaan
- 1.6.6 Upacara

1.6.1 Roh dan semangat

Dalam teori animisme E.B. Taylor(1974), roh berbeza dengan semangat. Roh dikatakan memberi nyawa kepada manusia, memberi keupayaan berfikir, bercakap dan bertindak. Ia boleh keluar masuk badan manusia dengan mudah. Bagaimanapun, semangat tidak dimiliki oleh manusia. Ia mendatangkan mudarat lebih daripada kebaikan kepada manusia. Hantu-hantu boleh dikategorikan sebagai semangat.

Bagaimanapun, penduduk Kampung Lubuk Bandung tidak membezakan roh dan semangat. Kedua-dua adalah seerti. Mereka mempercayai keujudan roh atau semangat ada pada benda-benda bernyawa dan tidak bernyawa. Ketika bermimpi atau meninggal dunia, roh atau semangat dikatakan meninggalkan badan manusia. Roh mereka yang meninggal dunia boleh kembali ke dunia ini khas tidak lama ia dikebumikan. Seseorang boleh mengesannya melalui bau busuk mayat. Ini pernah dialami oleh Pakcik Ahat. Roh atau semangat boleh bersifat baik atau jahat. Roh yang jahat dikenali sebagai hantu. Hantu-hantu yang dipercayai oleh penduduk

Kampung Lubuk Bandung banyak dan menarik. Pengkaji akan membincangkannya dalam bab 3.

1.6.2 Keramat

Keramat atau digelar sebagai Datuk amat penting dalam kepercayaan penduduk Kampung Lubuk Bandung. Ia dianggap pengasas Kampung Lubuk Bandung dan berperanan menjaga keamanan dan kemakmuran kampung. Menurut Pakcik Ahat, Keramat Kampung Lubuk Bandung sekarang adalah keturunan ketujuh sejak ia berada di kampung ini. Dalam satu upacara menjemput kehadiran Keramat yang diadakan oleh orang-orang Cina atas usaha bapa Cina Pakcik Ahat iaitu mendiang San Fook, Keramat mempunyai nama Orang Asli Temuan tetapi tidak dapat diingat lagi oleh Pakcik Ahat. Penduduk biasa memanggilnya Datuk atau Keramat. Tempat penyembahan merupakan satu busut yang besar dibina bumbung zink oleh mendiang San Fook.

Adalah perlu dimaklumkan bahawa beberapa perkahwinan campur di antara orang Cina dan Orang Asli Temuan telah berlaku di Kampung Lubuk Bandung pada 30an, 50an dan 60an. Pasangan mendiang San Fook dan Enam ialah pasangan perkahwinan campur yang pertama di kampung tersebut diikuti oleh beberapa pasangan lain. Faktor perkahwinan campur ini boleh dikatakan sebagai faktor secara tidak langsung membawa fenomena sinkretisme di Kampung Lubuk Bandung dari aspek kepercayaan Cina.

1.6.3 Nenek moyang

Nenek moyang mempunyai tempat yang penting dalam kehidupan penduduk Kampung Lubuk Bandung khasnya penduduk keturunan hasil perkahwinan campur Cina-Temuan. Ia bersamaan dengan konsep Cina Xiao bererti penghormatan dan taat setia kepada golongan tua dan nenek moyang khas daripada garis keturunan lelaki. Keujudan generasi sekarang ialah kerana adanya nenek moyang. Konsep ini menjelaskan sinkretisme daripada aspek kepercayaan Cina.

1.6.4 Penyembahan

Penyembahan di sini merujuk penyembahan datuk dan nenek moyang untuk menghormati dan meminta berkat daripada mereka. Ia biasa diadakan pada hari-hari kebesaran seperti perayaan Cina dan hari perkahwinan. Cara penyembahan mengambil corak Cina seperti penggunaan colok, lilin merah berkaki kayu atau tidak, kemenyan Cina, wang kertas palsu, wang kertas emas palsu dan perak palsu dibakar serta penyembahan makanan. Peyembahan Datuk biasa diadakan oleh Jenang iaitu Pakcik Ahat manakala penyembahan nenek moyang diadakan oleh empat keluarga yang bertindak sebagai wakil. Keluarga-keluarga tersebut ialah keluarga Pakcik Ahat mewakili keturunan mendiang San Fook, keluarga Makcik Liap selaku adik perempuan Pakcik Ahat menyembah yang mendiang suami Cinanya, Pau Wei Lip dan nenek moyang Pau, Encik Chia Fong Sin biasa dikenali oleh pengkaji sebagai Abang Chia mewakili keturunan yang mendiang Chia Mok Seng dan Encik Tan Ah Kau atau Abang Tan Ah Kau mewakili keturunan daripada keturunan

yang mendiang Tan Li Chin. Encik Bujang Bidin atau Pakcik Bujang, Encik Hasan atau Abang Hasan dan Encik Senan yang berketurunan Temuan tulen tidak mengikuti penyembahan nenek moyang tersebut. Encik Khamis pula sungguhpun mempunyai datuk berketurunan Cina tidak menyembah nenek moyang. Penyembahan ini jelas menunjukkan sinkretisme yang unik berlaku di Kampung Lubuk Bandung hasil perkahwinan campur Cina-Temuan.

1.6.5 Perayaan

Perayaan penduduk Kampung Lubuk Bandung merujuk kepada perayaan Cina seperti berikut:-

- a) Tahun Baru Cina
- b) Cheng Beng-Penyembahan di perkuburan nenek moyang
- c) Kuih Chang atau Pesta Perahu Naga
- d) Pesta Tang Lung atau Pesta Kuih Bulan
- e) Kuih Yi atau Dong Jie

Sebutan pertama dalam perayaan di atas adalah sebutan biasa penduduk kampung. Sinkretisme juga jelas di sini. Bagaimanapun, perayaan Cheng Beng, Kuih Chang dan Kuih Yi tidak diadakan oleh seluruh penduduk kampung. Penghuraian tentang makna perayaan dan sambutan akan dibincangkan dalam bab 4. Masyarakat Temuan Kampung Lubuk Bandung menyambutnya secara sederhana berbanding dengan masyarakat Cina sekitarnya.

1.6.6 Upacara

Akhir sekali, konsep upacara dalam kajian ini merujuk kepada majlis keramaian semasa perkahwinan dan pengebumian. Pengkaji

akan menghuraikan upacara ini dengan menekankan aspek kepercayaan-kepercayaan yang diamalkan dan sinkretisme. Upacara ini bertatatertib, melibatkan ramai orang dan dijalankan untuk satu jangkawaktu tertentu. Upacara perkahwinan diadakan dalam suasana meriah manakala pengebumian dalam suasana sedih. Kepercayaan Cina, Melayu dan Hindu jelas kelihatan daripada upacara-upacara tersebut. Huraian akan dibuat pada bab 5.

Secara keseluruhannya, pengkaji akan menggunakan konsep-konsep asas di atas menghuraikan sinkretisme yang berlaku di kalangan masyarakat Temuan di Kampung Lubuk Bandung. Setiap konsep dapat menggambarkan sinkretisme di kampung tersebut. Pengkaji akan menganalisisnya dalam bab-bab berikutnya.

BAB 2 Masyarakat Orang Asli Melaka Dan Masyarakat Kajian

2.1 Masyarakat Orang Asli Melaka


2.1.1 Taburan Kampung-Kampung Orang Asli Melaka dan Penduduknya

Masyarakat Orang Asli Melaka terdiri daripada suku kaum Temuan. Jika merujuk kepada Peta 1, jelas bahawa secara umumnya Orang Asli yang bertempat di Melaka, sebahagian besar Negeri Sembilan, sebahagian Negeri Selangor dan sebahagian Negeri Pahang terdiri daripada masyarakat Orang Asli Temuan. Terdapat 13 buah perkampungan Orang Asli di Negeri Melaka yang masing-masing berada di dua daerah luar bandar iaitu Daerah Alor Gajah dan Jasin seperti dalam peta perkampungan Orang Asli, Negeri Melaka. Jumlah penduduk pada keseluruhannya ialah seramai enam ratus sembilan puluh orang yang terdiri daripada seratus tiga puluh tiga keluarga. Ini dapat dirujuk dalam Jadual 1. Jadual yang disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) bahagian Melaka menunjukkan 11 kampung sahaja. Dua kampung lagi ialah Kampung Air Sidang dan Solok Telentang yang berdekatan dengan Kampung Tebong Stesen tidak dicatatkan.


2.1.2 Kepimpinan, Ekonomi dan Sosial

Pada keseluruhannya, menurut Baharon Azhar(Sandhu, ed., 1983: 10) masyarakat Temuan boleh dikatakan mempunyai sistem kepimpinan yang paling komprehensif dan tersusun berbanding dengan lain-lain kumpulan Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

Peta 1:- TABURAN ORANG ASLI DI SEMENANJUNG MALAYSIA



SUMBER: Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA), Kuala Lumpur.



JADUAL 1: Bio-Data Kampung-Kampung Orang Asli di Melaka

Daerah	Nama Kampung	Keluasan dlm. ekar	Ketua/ Batin	Bil. Penduduk	Bil. Keluarga
Alor Gajah	1. Bukit Payong	351	Bata.b Wahid	165	25
	2. Bukit Sebang	16	Hamid b Seman	26	8
	3. Bukit Putus	25	Siang b Sinti	25	4
	4. Hutan Percha	19	Sambol b. Talib	36	7
	5. Tebong Stesen	62	Senin b. Rimam	23	4
	6. Macap Umbo	116	Abu b. Putih	50	10
Jasin	7. Gapam	210	Longkop b. Kulup	56	15
	8. Kg. Solok Telentang	132	Jani b. Ahmat	58	9
	9. Kg. Air Sialang	50	Janji b. Kechik	53	11
	10. Kg. Bkt. Seraya	109	Suyu b. Kechik	46	11
	11. Kg. Lubuk Bandung	118	San Ka Chang	63	12

Sumber: Jabatan Hal Ehwal Orang Asli bahagian Melaka.

Data-data ini telah diperolehi pada tahun 1991 dan disusun semula.

Di antara jawatan yang asas ialah batin, jenang dan jurukerah. Ini diikuti dengan jawatan pemangku dan menteri yang membantu batin. Di bawah semua jawatan tersebut ialah panglima-panglima atau pelima.

Jawatan-jawatan ini boleh diwarisi atau dipilih oleh penduduk kampung. Pilihan oleh penduduk kampung lebih digemari sekarang. Jawatan batin setelah dipilih oleh penduduk akan diberi tauliah dan surat kuasa serta elaun tahunan oleh kerajaan. Jawatan-jawatan yang disebut atas bertindak sebagai satu kumpulan melaksanakan tugas-tugas berikut:-

1. Sebagai pemegang adat kampung seperti mengadili sesuatu pertikaian dan menjatuhkan hukuman ke atas mereka yang melanggar adat.
2. Sebagai perancang kegiatan kampung iaitu mengambil initiatif mengorganisasi aktiviti-aktiviti kampung seperti kegiatan pertanian, pesta-pesta, majlis-majlis yang berkaitan dengan perkahwinan, kematian atau projek kerajaan.
3. Mewakili penduduk kampung berhubung dengan masyarakat luar khasnya pihak kerajaan.

Satu perkara yang penting harus ditegaskan ialah tidak semua jawatan ini diadakan pada setiap kampung kecuali batin. Pada masa ini, terdapat satu organisasi lagi iaitu Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung(JKKK) yang bertindak sebagai orang tengah di antara penduduk kampung dengan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Secara amnya, masyarakat orang asli Temuan di Melaka menjalankan kegiatan ekonomi pertanian, penternakan dan pekerjaan-pekerjaan lain. Pertanian dan penternakan merujuk kepada sektor getah, pisang, koko, kebun buah-buahan, ternakan kambing dan bebiri serta ikan. Pekerjaan-pekerjaan lain ialah seperti kerja makan gaji di sektor kerajaan atau swasta, kilang-kilang, mengutip hasil hutan, perlombongan kuari pasir dan sebagainya.

Dari aspek sosial, pengkaji ingin menyentuh infrastruktur sosial, pendidikan dan kepercayaan. Sehingga tahun 1991, infrastruktur asas seperti elektrik, air paip dan jalan tar pada keseluruhannya masih tidak dapat dinikmati oleh kebanyakan penduduk Orang Asli. Hanya 4 daripada sebelas kampung Orang Asli dilengkapi dengan air paip sahaja, bekalan elektrik sahaja atau air paip dan elektrik iaitu masing-masing di Kampung Macap Umbo, Kampung Bukit Payong dan Kampung Lubuk Bandung serta Kampung Solok Telentang. Dalam hal ini, JHEOA memang berusaha memberi semua kemudahan asas kepada penduduk sebaik sahaja adanya peruntukan.

Dalam aspek pendidikan, seramai 70 orang murid Orang Asli di sekolah kebangsaan dan menengah bagi daerah Alor Gajah dan Jasin. Di daerah Alor Gajah, seramai 34 orang murid bersekolah kebangsaan dan 3 orang bersekolah menengah manakala di daerah Jasin, 20 orang murid bersekolah kebangsaan dan 13 orang murid bersekolah menengah. Pendidikan pra sekolah diadakan di beberapa

kampung Orang Asli seperti di Kampung Bukit Payung dan Tebong Stesen. Kampung yang tiada perkhidmatan pra sekolah di kampung perlu menghantar kanak-kanak ke sekolah tadika yang berdekatan jika mampu membayar yuran bulanan.

Akhir sekali, pengkaji ingin menyentuh aspek kepercayaan sosial di kalangan Orang Asli. Kebanyakannya masih mengamalkan animisme, sebahagian kecil sahaja menganut agama Kristian dan Islam. Sinkretisme dari segi penerapan kepercayaan Cina, Melayu dan India juga berlaku di kampung-kampung tertentu tetapi tidak melibatkan seluruh penduduk kampung sepetimana di Kampung Lubuk Bandung.

2.2 Masyarakat Kajian Di Kampung Lubuk Bandung

2.2.1 Lokasi Kampung Lubuk Bandung

Kampung Lubuk Bandung terletak di mukim Chabau, daerah Jasin. Ia berdekatan dengan pekan Simpang Bekoh yang menyediakan kemudahan runcit kepada penduduk kampung. Peta 2 menunjukkan kedudukannya. Ia berjarak $1 \frac{1}{4}$ batu dari Simpang Bekoh, 9 batu dari Jasin dan 2 batu dari sempadan Johor. Oleh kerana berdekatan dengan bandar-bandar ini, maka penduduk kampung lebih gemar menziarahi bandar-bandar ini daripada ke pusat bandar Melaka untuk urusan kerajaan seperti membayar bil air letrik, cukai tanah atau urusan peribadi.

Kampung Lubuk Bandung dikelilingi oleh Kampung Baru Cina Parit Keliling di selatan, ladang kelapa sawit milikan Kim Tong di


utara, ladang kelapa sawit Diamond Jubilee di tenggara, Sungai Merlang di selatan dan barat serta Sungai Lubuk Bandung di timur seperti dalam pelan 1.

2.2.2 Legenda dan Sejarah Kampung Lubuk Bandung


Nama Kampung Lubuk Bandung berasal daripada nama Sungai Lubuk Bandung yang melalui perkampungan tersebut. Menurut seorang responden, pembentukan kampung ini ialah hasil penghijrahan nenek moyang dari Beranang. Nenek moyang berasal dari Beranang iaitu terletak di sempadan Selangor dan Negeri Sembilan. Pada satu hari, nenek moyang mendapat seketul batu daripada perut seekor ikan seluang bewarna putih dan bermimpin seorang perempuan berkeramat yang memesan pergi ke Bukit Jiram Kedat selama 7 hari. Sejak pergi, mereka tidak balik lagi. Mereka yang tinggal seramai 7 hingga 8 orang sekeluarga berhijrah ke tempat baru iaitu Kampung Lubuk Bandung sekarang.

Berbanding dengan 15 buah rumah sekarang, Kampung Lubuk Bandung mempunyai lebih daripada 20 buah rumah pada tahun-tahun 1930an. Bagaimanapun, beberapa peristiwa besar bersejarah telah menyebabkan ramai penduduk meninggalkan kampung ini. Pada tahun 1940an meletusnya Perang Dunia Kedua, tentera Jepun menyerbu masuk ke seluruh pelusuk Tanah Melayu. Ramai penduduk kampung telah mlarikan diri ke Gunung Ledang, Johor meninggalkan 4 buah keluarga sahaja di kampung.

Selepas pengunduran Jepun pada tahun 1946, penduduk balik ke Kampung Lubuk Bandung tetapi sewaktu Darurat 1948, kebanyakan penduduk pindah sekali lagi ke Tanah Gembur, Johor.



KAMPUNG LUBUK BANDUNG ATAS PELAN LAKARAN




SUMBER: J.H.E.O.A., Melaka.

Sebilangan kecil berpindah ke kampung Melayu di Simpang Bekoh. Pada tahun 1950an, sebilangan kecil yang balik ke kampung halaman untuk membuka hutan dan menubuhkan semula Kampung Lubuk Bandung.

2.2.3 Penduduk

Jumlah penduduk Kampung Lubuk Bandung mengikut bancian saya ialah 62 orang pada April, 1993. 29 orang lelaki dan 33 orang wanita. Carta 1 bebentuk graf bar menunjukkan taburan umur dan jantina. Jadual 2 pula menunjukkan bilangan ahli keluarga, umur dan generasi keturunan 15 buah keluarga. Nama pertama San, Chia dan Pau ialah nama keluarga bapa mereka yang berbangsa Cina. Mereka ialah keturunan perkahwinan campur Orang Asli Temuan dan Cina. Adalah didapati sebilangan daripada keturunan mereka mempunyai paras rupa seperti orang Cina. Terdapat 12 buah keluarga ialah keturunan hasil perkahwinan campur ini. Generasi ke 3 masih mempertahankan nama ahli keluarga tetapi ramai di antara generasi ke 4 telah meninggalkannya untuk mengelakkan sebarang kekeliruan dalam hal mengidentitikan diri sebagai Orang Asli. Bilangan ahli keluraga yang terbesar ialah seramai 7 orang. Kebanyakan ialah keluarga nuklear. Mereka mengikut garis keturunan bapa tetapi tempat tinggal ialah uxorilokal iaitu mereka boleh memilih kampung suami atau isteri. Satu hal yang sangat penting ialah hubungan penduduk-penduduk Kampung Lubuk Bandung amat rapat kerana perhubungan darah persaudaraan yang dimiliki oleh mereka. Carta 2 menunjukkan fenomena tersebut.

**CARTA 1: TABURAN UMUR DAN JANTINA
KG. LUBUK BANDUNG
(APRIL 1993)**



Jadual 2: Butir-butir Kekeluargaan di Kampung Lubuk Bandung

Bil. Keluarga	Ahli-ahli keluarga	Umur	Generasi ke-	Bil. Orang
1.	Semen B	35	3	1
2.	San Ahat S	62	3	3
	Mieh Bt. Sudin I	52		
	Roshayati P	30		
3.	Rahim Bin Atong S	35	4	7
	Rosetta I	32		
	Roshimazaliza P	8		
	Roshimazuliana P	6		
	Rezzarul Ezmir L	5		
	Azanti P	3		
	Azuan L	10 b.		
4.	San Ka Chang S	55	3	6
	Katin I	43		
	Sanusi L	23		
	Mastura P	11		
	Norhayati A.I.P	16		
	Atik A.I.P	13		
5.	Liap I	52	3	5
	Pau Ah Kee L	31		
	Pau Ah Wah L	29		
	Pau Seng Kit L	21		
6.	Pau Eng Hau S	24	3	2
	Sumi I	26		
7.	San Ah Kin S	60	2	2
	Chua Yau Neo I	49		
8.	Ajeet S	33	4	5
	Pusba Nagayai I	26		
	Ebby Azlan L	8		
	Amey Azira P	7		
	Syakila Naziela P	1		

9.	Singar	S	32	4	5
	Rokiah Bt. Atong	I	27		
	Rameze	L	9		
	Shaha Azwan	L	6		
	Sheera Nabilah	P	2		
10.	Jasdi	S	24	4	4
	Roseni	I	22		
	Farah Syafeeda	P	4		
	Ema Fariza	P	1		
11.	Hassan	B	43	2	1
12.	Bujang bin Bidin	S	63	5	4
	Sinket	I	55		
	Puteh	M.S	79		
	Ejeh	C	11		
13.	Tan Ah Kau	S	43	5	4
	Nyonya	I	39		
	Tan Siew Chen	P	16		
	Tan Siew Ping	P	15		
14.	Khamis	S	27	5	7
	Nyenjak	I	31		
	Amir	L	10		
	Amizan	L	9		
	Azuani	P	7		
	Azira	P	5		
	Ambrin	L	1 b.		
15.	Chia Fong Sin	S	41	4	6
	Aton	I	37		
	Rita	P	18		
	Rakis	L	17		
	Rabizu	L	16		
	Rizau Ehwan	L	14		

S=Suami

I=Isteri

P=Anak Perempuan

L=Anak Lelaki

B=Bujang


M.S.=Makcik Suami

C=Cucu

1 b.=1 bulan

A.I.P=Adik Ipar Perempuan

CARTA 2: HUBUNGAN PERSAUDARAAN DI ANTARA KELUARGA-KELUARGA
DI KAMPUNG LUBUK BANDUNG



PETUNJUK

	lelaki
	perempuan
	sudah meninggal dunia
	orang Cina

	suami isteri
	adik beradik
	bilangan keluarga
4*	tambah dua ahli keluarga iaitu adik-adik perempuan isteri ketua rumah


Bilangan 1 hingga 15 adalah sepadan dengan nombor bilangan keluarga-keluarga yang telah saya sertakan dalam jadual 2. Carta ini sebenarnya dipetik daripada laporan Lee Kok Joo(1976: 36) dan dikemaskinikan.

2.2.4 Ekonomi

Kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh penduduk Kampung ialah:-

- i) Penorehan getah
 - ii) Koko
 - iii) Pernakan kambing dan kambing biri-biri
 - iv) Mengumpul hasil-hasil hutan
 - v) Kerja-kerja di luar kampung
-
- i) Penorehan getah
- 13 buah keluarga daripada 15 buah terlibat dalam kerja penorehan getah. Kepentingan kegiatan ini dapat dilihat dalam peta lakaran pengkaji di mana kebanyakan tanah perkampungan ditanam dengan getah selain daripada koko dan pisang. Pihak Risda telah memberi subsidi dalam bentuk baja dan bantuan kewangan RM2200 seekar oleh kerajaan bagi Rancangan Tanam Semula Berkelompok untuk tempoh 7 tahun iaitu sejak anak pokok getah ditanam sehingga tiba waktunya penorehannya.

PETA LAKARAN KAMPUNG LUBUK BANDUNG, MELAKA



Penduduk kampung bangun awal di antara pukul 2.30 a.m. hingga 6 a.m. bergantung kepada keluasan tanaman getah yang dimiliki dan kerajinan seseorang. Ada juga menoreh kebun kecil sendiri pada petang hari kerana pada pagi hari mereka menoreh di tempat lain terutamanya rancangan Felda di Bukit Senggeh dan Ladang Lau Leong Realty Malacca Sdn. Bhd.. Kebanyakan penduduk menyelesaikan kerja penorehan sebelum tengahari. Selain daripada menoreh, menebas dan meracun merupakan satu kemestian kepada pemilik kebun. Pendapatan daripada getah tidak tetap mengikut harga pasaran. Pendapatan terjejas apabila musim hujan tiba dan musim daun getah gugur.

ii) Koko

Harga koko lebih tinggi daripada getah tetapi kerjanya lebih banyak. Setelah menanamnya, mesti diberi baja dalam tempoh 3 bulan sekali, merumput, menyembur racun dan membuang tunas. Kerja sewaktu mengumpul hasil juga banyak bermula daripada memetik, mengopek, membuang tulang tengah, memerap selama 4-5 hari hingga mengeringnya untuk dimasukkan dalam guni. Kebanyakan dijual kepada pembeli-pembeli Cina dari Muar atau Tangkak. Seramai 7 buah keluarga memiliki kebun koko di kampung. Penjualan koko kering merupakan sumber pendapatan kedua penting selepas komoditi getah.

iii) Penternakan kambing dan kambing biri-biri

Penternakan kambing dan kambing biri-biri ialah satu projek yang baru. Ia diadakan 1 1/2 tahun yang lalu ditaja oleh Jabatan Haiwan. Jabatan ini telah memperuntukan sebuah kandang biri-biri berharga RM 13,000, meminjamkan 110 ekor kambing (100 betina dan 10 jantan), memberi subsidi dalam bentuk dedak dan garam untuk menguatkan badan ternakan. Projek ini diusahakan atas kerjasama 8 orang penduduk kampung. Keuntungan yang diperolehi pada tahun pertama sungguh memuaskan iaitu untung bersih RM13,000.

Setiap pengusaha bergilir-gilir melepaskan kambing pada petang hari menuju ke ladang kelapa sawit Kim Tong untuk makan rumput. Perjalanan ke sana memakan masa 20 minit. Kandang perlu dibersihkan sekali sekala. Kesemua kerja-kerja yang terlibat biasanya diusahakan oleh seisi keluarga.

iv) Mengumpul hasil hutan

Di antara hasil hutan yang dikumpul biasa bernilai komersil iaitu rotan, kayu gaharu, akar kayu, ubat-ubatan, madu dan hasil buruan. Hasil buruan adalah seperti babi hutan, lutung(*leuconotis*), tupai, labi-labi, musang, landak, sikah, mengas dan sebagainya. Kesemua ini memberi pendapatan tambahan kepada penduduk kampung. Senjata utama yang digunakan dalam pemburuan ialah senapang dan sumpitan.

v) Kerja-kerja lain di luar kampung

Selain daripada kerja tanaman kontan, penternakan dan pengumpulan hasil hutan, penduduk kampung khasnya golongan muda mempunyai pilihan untuk kerja-kerja makan gaji di luar kawasan perkampungan. Mereka berkhidmat di sektor kerajaan contohnya pereka grafik poster-poster di hospital besar, pembantu muzium orang-orang asli, juruteknik Jabatan Pengairan dan Saliran serta guru tadika anjuran KEMAS. Sebahagian kecil bekerja di sektor perkilangan perabot.

Secara keseluruhannya, penduduk Kampung Lubuk Bandung adalah rajin dan tekun. Atas ketekunan dan usaha sendiri, ramai di antara mereka telah mencapai taraf ekonomi yang agak memuaskan. Ada di antara rumah-rumah kediaman mereka indah dan besar dibina atas perbelanjaan sendiri dan bukan rumah Melati bantuan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Oleh itu, tidak hairan kampung mereka digelar sebagai kampung terkaya oleh JHEOA bahagian Melaka. Malahan, ada pihak yang mencadangkan ia dijadikan kampung contoh di Melaka yang wajar diteladani.

2.2.5 Kepimpinan

Sistem kepimpinan di kampung terdiri daripada Batin, Jenang, Jurukerah dan ahli Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung(JKKK). Oleh itu, ia tidak mengikut sistem kepimpinan tradisi yang banyak jawatan seperti Batin, Menteri, Jenang, Jurukerah, Panglima, Penghulu Dagang, Penghulu Balai dan Pemangku dalam huraiyan Williams-Hunt(1952). Batin dipilih oleh

penduduk kampung melalui undian sulit. Ia tidak diwarisi. Mereka yang pernah menjadi ketua kampung ialah Batin Linggi, Batin Garang, Batin Junid dan Batin Aman secara berturut-turut. Batin sekarang disandang oleh Pakcik San Ka Chang.

Jenang ialah pemegang adat kampung. Beliau berurusan dangan segala penyembahan dan upacara-upacara besar. Sekurang-kurangnya 3 kali penyembahan setahun mesti dijalankan iaitu sewaktu Tahun Baru Cina, Hari Perayaan Kuih Chang dan Perayaan Kuih Bulan. Pakcik San Ahat menyandang jawatan ini. Jurukerah disandang oleh Pakcik San Ah Kin yang bertugas mengumpulkan tenaga-tenaga kerja kampung sewaktu diperlukan. Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung disandang oleh anak Pakcik San Ah Kin iaitu Encik Ajeet. Melalui ahli Jawatankuasa ini, projek penternakan kambing dan kambing biri-biri telah berjaya dijalankan. Secara keseluruhan, sistem kepimpinan di kampung tidak rumit dan tertakluk di bawah kuasa pentadbiran Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Melaka dan kerajaan.

2.2.6 Pendidikan

Generasi muda pada hari ini menikmati kemudahan dan peluang pendidikan yang lebih baik berbanding dengan generasi zaman dahulu khasnya zaman Pakcik Ahat dan sebelumnya. Ada di kalangan mereka telah berjaya melanjutkan pelajaran di universiti di dalam negeri seperti Sunaidin bin San Ka Chang di Universiti Teknologi Malaysia mahupun di luar negeri seperti Shariff bin San Ka Chang di universiti Amerika dalam bidang kejuruteraan.

Penduduk kampung juga sedar tentang kepentingan pendidikan. Oleh itu, mereka sentiasa menggalakkan anak-anak mereka belajar bersungguh-sungguh. Terdapat 4 buah institusi pendidikan yang berdekatan Kampung Lubuk Bandung iaitu:

- i) Sekolah Menengah Simpang Bekoh
- ii) Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Simpang Bekoh
- iii) Sekolah Kebangsaan Chabau
- iv) Tadika Simpang Bekoh anjuran KEMAS

3 orang pelajar Kampung Lubuk Bandung menuntut di Sekolah Menengah Simpang Bekoh, seorang pelajar sekolah rendah Jenis Kebangsaan Cina Simpang Bekoh, 7 orang pelajar asli Temuan di Sekolah Kebangsaan Chabau dan 3 pelajar di tadika.

2.2.7 Kehidupan Seharian

Kebanyakan penduduk kampung bangun awal untuk memulakan kerja sehari. Menoreh getah menjadi kegiatan ekonomi yang paling awal diselesaikan. Sebelah petang, penduduk biasanya berehat melelapkan mata sekejap sebelum memulakan aktiviti-aktiviti lain seperti memetik dan memproses koko, melepaskan biri-biri, meracun dan merumput kebun getah, menganyam tikar, menekad atau membersihkan rumah. Daripada pemerhatian pengkaji, penduduk kampung gemar menonton tayangan Hindi pada petang hari.

Pada waktu senja, penduduk kampung lebih berasa suka berbual-bual di antara satu sama lain. Golongan belia kampung gemar pada hampir setiap senja main bola sepak takraw di


gelanggang berdekatan. Pada waktu malam, penduduk kampung akan berhimpun sekeluarga di rumah menonton rancangan televisyen atau berbual-bual merapatkan hubungan di antara satu sama lain. Mereka biasanya tidur awal di antara 9 hingga 10 malam.



Kampung Lubuk Bandung di Simpang Bekoh yang berdekatan dengan sempadan Johor-Melaka



Rumah kediaman Pakcik Ahat bin San Fook atas perbelanjaan sendiri. Gambar ini diambil sewaktu Tahun Baru Cina pada 23.1.1993.



Rumah Melati Abang Chia Fong Sin sumbangan kerajaan.



Menoreh getah ialah kegiatan ekonomi yang utama.
Pakcik Ahat sedang mengumpul susu getah pada pagi hari.



Penjualan koko kering merupakan hasil pertanian kedua penting selepas getah.



Penternakan bebiri mendatangkan pendapatan yang lumayan.




Tabika KEMAS di Simpang Bekoh



Rameze(kanan) dihantar ke Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan(China)




Satu-satunya Sekolah Menengah di Simpang Bekoh




Pakcik Bujang B. Bidin mengeringkan daun mengkuang yang akan dianyam menjadi tikar.



Permainan sepak takraw digemari oleh pemuda-pemudi kampung.



Gotong royong menyiapkan rumah Abang Pau Eng Hau.



Kanak-kanak bermain pasir di halaman rumah.

Bab 3 Sistem Kepercayaan Masyarakat Temuan Kampung Lubuk Bandung

3.0 Pendahuluan

Bab ini akan menyentuh sistem kepercayaan masyarakat Temuan Kampung Lubuk Bandung . Kepercayaan ini bermakna kepercayaan yang dianggap oleh penduduk kampung memang sudah lama dimiliki. Sistem kepercayaan ini penting dihuraikan sebelum melihat unsur-unsur kepercayaan asing yang memperkayakan kepercayaan penduduk Kampung Lubuk Bandung. Di antara aspek-aspek kepercayaan yang akan disentuh dalam bab ini ialah kuasa-kuasa luar, nenek moyang, roh atau semangat, jenis hantu-hantu, pantang larang, penggunaan tangkal dan jampi serta cerita-cerita dongeng.

3.1 Keramat Dan Nenek Moyang

Keramat dan nenek moyang penting dalam menjamin keamanan dan keharmonian hidup penduduk Kampung Lubuk Bandung. Istilah keramat ini dipercayai dipinjam daripada bangsa Arab yang mengamalkan polytheism pada satu masa dahulu iaitu karama yang bererti hadiah yang istimewa daripada Tuhan.(Mohd. Taib Osman, 1989: 118) Hadiah ini boleh merupakan kuasa-kuasa luar yang membantu manusia. Penduduk Kampung Lubuk Bandung mengatakan mereka memang mempercayai terdapatnya kuasa-kuasa luar di sekeliling mereka yang dapat menguasai dan membantu manusia dalam kehidupan sehari-hari mereka. Maka istilah keramat adalah diterima.

Penyembahan Keramat mesti diadakan pada hari-hari kebesaran seperti perayaan-perayaan Cina di Kampung Lubuk Bandung. Keramat Kampung Lubuk Bandung bertempat di sebuah busut besar. Keramat ini pernah memberi mimpi kepada bapa Pakcik Ahat iaitu mendiang San Fook yang berbangsa Cina mengatakan beliau ialah keturunan ketujuh pengasas tempat Kampung Lubuk Bandung. Penduduk Kampung Lubuk Bandung mempercayainya selaras dengan kepercayaan mereka yang mirip animisme, maka mereka tidak membantah yang mendiang San Fook membina satu pondok penyembahan untuk pengasas kampung tersebut. Ia disembah setiap hari perayaan iaitu Tahun Baru Cina, Hari Kuih Buluh atau kuih Chang dan Hari Pesta Tang Lung atau Hari Kuih Bulan. Pengkaji pernah mengikuti penyembahan Keramat dan nenek moyang pada Hari Kuih Chang iaitu bersamaan bulan lima hari ke lima dalam sistem kalendar Cina. Cara penyembahan mirip kepada penyembahan masyarakat Cina terhadap dewa dewi mereka. Barang-barang penyembahan ialah lilin merah dan putih, colok Cina, duit-duit emas palsu, duit-duit perak palsu Cina, kemenyan Cina, arak Cina, bee hoon goreng, ayam, sayur, sup, buah-buahan, bunga dan kuih Chang. Penyembahan ini jelas memperlihatkan sinkretisme kepercayaan Cina dalam kepercayaan penduduk Kampung Lubuk Bandung. Jika tidak disembah kerana lupa, keramat ini akan mengingatkan penduduk kampung khasnya ahli keluarga Jenang melalui mimpi dengan mengatakan beliau ingin menuntut bayaran demi kesentosaan kampung.

Menurut Jenang Kampung Lubuk Bandung, Ahat Bin San Fook, Keramat pernah menolongnya mencari balik seekor lembu dengan mendapat ilham daripada Keramat melalui mimpi memanggil nama lembu itu dengan bak! bak! bak! di tepi ladang getah yang luas. Dalam pada itu, Keramat juga boleh mendatangkan kecelakaan kepada seseorang jika mengganggu dan menghinanya. Perbuatan nakal yang dianggap menghina pernah dilakukan oleh adik lelaki Pakcik Ahat pada waktu kanak-kanak. Adiknya telah menyembah keramat dengan makanan pasir, daun ubi dan air kencing. Pada ketika itu juga adiknya ditempeleng oleh keramat sehingga telinga berdarah dan demam. Dengan peristiwa-peristiwa ini, maka penduduk kampung bukan sahaja menghormati tetapi juga menjauhi keramat yang bertempat di halaman belakang rumah batin San Ka Chang. Kerja penyembahan biasa dilakukan oleh Jenang kampung sahaja.

Dalam pada itu, nenek moyang juga amat penting dalam kehidupan masyarakat Temuan. Maka, penyembahan juga dimestikan pada hari-hari kebesaran seperti juga untuk Keramat. Seseorang yang ingin berkahwin perlu memberitahu kepada nenek moyang supaya bersama-sama gembira. Jika tidak, mereka akan sedih menangis dengan menurunkan hujan ribut petir lalu menyusahkan perjalanan upacara perkahwinan. Barang-barang persembahan adalah hampir sama dengan barang persembahan Keramat. Yang bezanya ialah penyembahan nenek moyang dijalankan di rumah kecuali pada hari Cheng Beng yang akan

disentuh dalam bab empat dan lauk pauk yang dipersembahkan adalah lebih banyak.

3.2 Roh dan Semangat

Penduduk kampung percaya roh mereka yang meninggal boleh kembali ke dunia nyata. Ia berkaitan dengan konsep nenek moyang. Roh boleh bersifat baik atau jahat. Nenek moyang ialah roh baik. Roh jahat boleh merujuk semangat jahat seperti hantu-hantu. Menurut Pakcik Ahat, adik perempuan buta yang sudah meninggal dunia bernama San Ah Moi telah kembali ke rumah dan memanggil ayahnya. Ayah dengan nada tinggi menyuruhnya balik ke alam asalnya. Menurut saudara Senan dan keluarga Pakcik Ahat, roh juga dimiliki oleh manusia yang bernyawa. Roh akan meninggalkan badan sewaktu mimpi. Ia ialah ciptaan Tuhan mengikut penduduk kampung. Tuhan yang membuatkan manusia itu daripada tanah dan diberi roh dan nyawa. Apabila mati, manusia reput menjadi tanah semula. Seseorang yang berkelakuan baik semasa hidup akan ke syurga selepas mati, sebaliknya yang banyak berdosa akan dimasukkan ke neraka. Adalah ditekankan bahawa hampir kesemua penduduk kampung bukan penganut agama Kristian, Islam, Buddha atau Hindu walaupun pendakwahan memang ada khasnya agama Kristian pada ketika kajian dibuat. Sinkretisme dalam aspek ini dapat dilihat dalam penyembahan ala Cina untuk nenek moyang yang diklasifikasikan sebagai roh baik.

3.3 Jenis-jenis Hantu

Sebanyak sembilan belas jenis hantu yang dapat pengkaji kumpul daripada penduduk kampung. Hantu-hantu yang akan disenaraikan mendatangkan kecelakaan lebih daripada kebaikan. Sebahagian hantu-hantu ini juga didapati dalam kepercayaan hantu-hantu masyarakat Melayu. Nama-nama dan watak hantu-hantu ini amat menarik perhatian pengkaji. Di antaranya ialah:-

- i) Hantu Polong
- ii) Hantu Pelesit
- iii) Langsuir
- iv) Pontianak
- v) Hantu Jembalang Tanah
- vi) Hantu Kubur
- vii) Hantu Raya
- viii) Hantu Tulang Kambing Biri-biri
- ix) Hantu Toyol
- x) Hantu Tinggi
- xi) Hantu Pakrid
- xii) Hantu Dondong
- xiii) Hantu Tonton/ Kanton
- xiv) Hantu Semburu
- xv) Hantu Cempahak
- xvi) Hantu Cennaku
- xvii) Hantu Bohotak/Sekok
- xviii) Hantu Pengkol
- xix) Hantu Bajos

Semua hantu ini boleh diilustrasikan melalui gambar-gambar lukisan seorang penduduk kampung, saudara Sanusi bin San Ka Chang yang menggunakan nama Nassier dalam semua lukisan beliau. Adalah ditegaskan bahawa lukisan-lukisan ini hanya imaginasi sahaja. Ia dilukis atas permintaan pengkaji supaya pembaca dapat ilustrasi

yang baik. Huraian ringkas tentang hantu-hantu adalah seperti berikut:-

i) Hantu Polong

Hantu Polong ini biasanya dipelihara orang. Hantu polong penanggalan paling ditakuti iaitu ia boleh menanggalkan kepala dan saluran-saluran penghadaman seperti perut dan usus-usus daripada badan dan bewarna api kemerah-merahan, kuning dan hijau berterangan pada waktu malam. Sasarannya ialah orang-orang tua, orang yang sakit, bayi yang baru lahir atau wanita yang baru bersalin. Pada satu ketika, banyak kes kematian kanak-kanak dan ibu bersalin di Kampung Lubuk Bandung dikatakan ialah hasil perbuatan hantu polong dan pelesit. Hantu ini menghisap darah mangsa di bahagian leher menyebabkan mangsa itu mati.

ii) Hantu Pelesit

Seseorang yang memelihara hantu polong juga memiliki hantu pelesit. Ia merupakan belalang yang kecil bewarna hijau atau kuning berfungsi pada waktu malam. Ia menghisap darah golongan yang menjadi sasaran hantu polong. Hantu pelesit ini pernah mengganggu ketenteraman keluarga Pakcik Ahat. Beliau telah memanggil bomoh menangkalkan rumah kediamannya. Apabila rumah ditangkalkan, seseorang tidak boleh bersiul di rumah dan membaling barang ke dalam rumah. Oleh itu, pengkaji mengetahuinya apabila pengkaji bersiul di dalam rumah tanpa disengajakan, cucu-cucu Pakcik Ahat telah menahan pengkaji. Adalah dipercayai selepas bersiul di rumah dan melanggar pantang

larang ini maka tangkal yang dikenakan tidak berkesan lagi. Maka tangkal perlu dikenakan sekali lagi.

iii) Hantu Langsuir

Langsuir atau Langsuyar merupakan hantu perempuan bergigi taring panjang, rambut panjang sampai tanah yang suka mengganggu orang. Mereka boleh menjelma menjadi burung hantu menghinggapi di pokok wangi pada waktu malam.

iv) Hantu Pontianak

Pontianak ialah hantu ibu mengandung yang telah meninggal dunia. Hantu ibu mengandung ini sama ada pertama kali mengandung atau mereka yang pernah mengandung beberapa kali. Mereka meninggal dunia kerana lemah atau dihidapi penyakit semasa melahirkan anak. Mereka tidak rela mati lalu mengganggu orang khasnya golongan wanita yang akan bersalin atau selepas bersalin.

v) Hantu Jembalang Tanah

Hantu ini berbentuk jin yang bergerak di bawah tanah. Menurut penduduk kampung mereka selalunya merasuk golongan yang sakit.

vi) Hantu Kubur

Hantu ini popular di kalangan penduduk Kampung Lubuk Bandung seperti hantu polong, pelesit, dondong, tonton, cempahak, cennaku dan pengkol. Kampung ini pada satu masa dahulu masih bersifat muda iaitu tanah muda dikatakan banyak hantu. Tambahan pula, tanah-tanah perkuburan adalah berhampiran dengan kediaman

mereka, maka hantu-hantu kubur amat banyak pada masa dahulu. Hantu ini suka mengganggu dan menakutkan orang. Tanah perkampungan sekarang dikatakan bersifat tua, maka banyak hantu yang disebut di atas jarang dijumpai .

vii) Hantu Raya

Di antara semua hantu yang disenaraikan hanya hantu raya boleh dan biasa diarahkan oleh tuannya untuk tujuan baik. Ia boleh menyerupai tuannya untuk mengerjakan tugas-tugas berat seperti menebang pokok kayu dan segala kerja yang diperintahkan oleh tuannya.

viii) Hantu Tulang Kambing Biri-biri

Hantu ini muncul daripada pengamal-pengamal ilmu hitam yang meninggal dunia tanpa dijampi. Maka tulang mayat mereka memanjang seperti tulang kambing biri-biri dan hidup kembali mengganggu orang.

ix) Hantu Toyol

Saiz badan hantu ini amat kecil. Ini memudahkan pergerakannya semasa mencuri barang. Perutnya buncit dan bergigi tajam. Pada kebiasaannya, ia diarahkan oleh tuannya untuk mencuri wang dan harta milik orang lain.

x) Hantu Tinggi

Hantu ini sangat tinggi sehingga manusia susah nampak kepalanya. Matanya besar tetapi kakinya kecil. Ia sangat menakutkan orang.

xi) Hantu Pakrid

Hantu ini berasal daripada mangsa-mangsa kemalangan jalanraya. Mereka tidak rela mati lalu mengganggu pengguna-pengguna jalan raya lain.

xii) Hantu Dondong

Ia merupakan hantu hutan. Penduduk kampung mengatakan ia merupakan orang halus yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar. Sumpitan ialah senjatanya untuk mencederakan orang. Seseorang yang kena sumpitannya tidak akan berdarah tetapi jatuh sakit yang perlu dirawati oleh bomoh atau pawang.

xiii) Hantu Tonton/Kanton

Ia merupakan anjing hantu Dondong. Rupanya boleh bertukar-tukar. Ia boleh menjelma dalam bentuk anjing biasa mahupun menjelma menjadi manusia biasa. Ia membantu hantu Dondong mencari hasil buruan di hutan.

xiv) Hantu Semburu

Ia merupakan hantu hutan juga. Ia tidak mudah kelihatan dengan mata kasar. Ia merupakan orang halus juga. Lukisan Nassier mengenai rupa hantu ini ialah imaginasi sahaja. Kejahatannya serupa dengan hantu dondong. Yang beza ialah senjata hantu semburu ialah leming.

xv) Hantu Cempahak

Beberapa informan yang masuk hutan pernah terserempak dengan hantu ini. Ia merupakan anggota kaki manusia di mana di bahagian lutut ada mata, hidung dan mulut, hujung kaki berbentuk cangkuk tajam menikam manusia untuk menghisap darahnya. Ia boleh menyamar menjadi harimau atau binatang buas dengan jatuh tujuh kali atas tanah.

xvi) Hantu Cennaku

Ia merupakan sejenis hantu hutan yang suka menyamar menjadi manusia. Seseorang boleh mencamkannya melalui ketiadaan lekuk di bawah hidungnya. Apabila ia ingin membaham manusia, ia akan menunjukkan rupa sebenarnya sebagai seekor harimau.

xvii) Hantu Bohotak/Sekok

Ia wujud apabila pelangi wujud dengan bunyi seperti bunyi ular di tempat-tempat seperti tebing sungai, danau, perigi buta, busut dan pokok. Seseorang mesti menjauhi diri daripada tempat tersebut untuk mengelakkan diri daripada ditimpa sebarang malapetaka atau penyakit.

xviii) Hantu Pengkol

Hantu ini suka menyerbu masuk rumah penduduk kampung semasa tuan rumahnya tiada. Mereka akan menyamar suara tuan rumah tersebut serta mengeluarkan bunyi memasak, menyapu, membersihkan rumah dan sebagainya. Ia tidak mendatangkan

bahaya kepada penduduk kampung. Ia cuma ingin menakut-nakutkan orang sahaja.

xix) Hantu Bajos

Hantu ini menyerupai beruk besar yang mempunyai hidung yang besar dan rata. Ia pandai mengikuti manusia dalam hutan. Taktik-taktik tertentu perlu diambil untuk melepaskan diri. Seseorang perlu menyembunyikan diri apabila mendapati hantu Bajos mengikutinya. Apabila hantu Bajos melepassi tempat persembunyian, seseorang baru boleh keluar dan mengikut jejak kaki hantu Bajos pada kali ini dan mencari jalan keluar dari hutan.

Daripadauraian hantu-hantu di atas, adalah didapati hantu-hantu seperti polong, pelesit, langsuir, pontianak, jembalang tanah, kubur, hantu raya, hantu tulang kambing biri-biri, hantu toyol dan hantu tinggi juga dipercayai oleh masyarakat Melayu(Skeat, Walter W., 1984) (Gimlette, J. D. 1991) (McHugh, 1957). Sinkretisme sukar dikesan dalam aspek kepercayaan ini memandangkan tiada bukti kukuh menunjukkan asal milik hantu-hantu yang diuraikan atas. Hantu-hantu tonton, dondong, semburu, cempahak, cennaku dan pengkol boleh digolongkan sebagai hantu hutan milikan persendirian Orang Asli Temuan sejajar dengan kehidupan mereka yang rapat dengan hutan sejak zaman nenek moyang mereka. Seperkara yang penting berkaitan dengan hantu-hantu ini ialah kepercayaan penggunaan tangkal dan jampi untuk mengubati dan mengelak hantu-hantu yang disebut atas.

3.4 Penggunaan Tangkal dan Jampi

Sungguhpun kemudahan perubatan moden dan klinik kerajaan adalah berdekatan dengan Kampung Lubuk Bandung, penggunaan tangkal dan jampi masih kuat dipegang untuk mengubati penyakit penduduk kampung. Mereka merujuk kepada Encik Bujang Bidin atau Pakcik Bujang yang mempunyai pengetahuan tentang ilmu tangkal dan jampi atau pawang-pawang handal kampung Orang Asli yang berhampiran. Tangkal ialah sesuatu yang digunakan untuk menolak bala seperti penyakit, hantu atau perkara yang tidak diingini manakala jampi merupakan kata-kata yang diucapkan untuk mendatangkan kesaktian dalam hal-hal menyembuh penyakit dan menolak bala. Daripada pemerhatian pengkaji, tangkal-tangkal yang digunakan oleh penduduk Kampung Lubuk Bandung ialah kain atau benang bewarna kuning atau hitam, duit siling dan tumbuh-tumbuhan. Jampi akan dibacakan ke atas tangkal-tangkal ini sebelum dipakai. Air limau, sirih, pinang, kemenyan ialah alat-alat yang digunakan untuk menjampi dan menangkal.

Secara umumnya, pengkaji mengkategorikan tiga penyakit yang memerlukan tangkal dan jampi:-

- i) Penyakit biasa seperti sakit kepala, sakit perut, penyakit kulit, sakit ketika melahirkan anak dan sebagainya yang biasa dialami oleh penduduk kampung.
- ii) Penyakit yang disebabkan oleh hantu-hantu.
- iii) Penyakit-penyakit ilmu hitam yang dikenakan oleh pengamal ilmu hitam.

Keadaan penyakit ketiga paling ditakuti tetapi jarang berlaku sekarang kerana Kampung Lubuk Bandung tidak mempunyai bomoh dan pawang yang tinggi ilmu yang biasa digunakan sebagai agen untuk membala dendam. Penyakit-penyakit akibat ilmu hitam yang sangat ditakuti ialah Jemoi, Jemoi Pengsek, Halaq dan Busung. Mangsa-mangsa yang terkena mesti cepat mencari pawang yang lebih tinggi ilmunya daripada pawang yang mengenakan ilmu hitam ke atasnya. Jika tidak, seseorang akan menemui ajal.

Seseorang yang berpenyakit akibat perbuatan hantu-hantu perlu mendapat pertolongan pawang. Pawang akan mengenalpasti jenis hantu yang mencederakannya dengan membaca jampi di atas permukaan air limau semangkuk. Seseorang khasnya kanak-kanak perlu memakai tangkal untuk mengelak diri daripada menjadi sasaran hantu-hantu. Oleh itu, adalah didapati ramai kanak-kanak kampung memakai tangkal dalam bentuk gelang tali benang bewarna hitam atau kuning di tangan, kaki atau leher untuk mengelak diri daripada menjadi sasaran hantu polong, pelesit dan lain-lain. Jampi serapah juga dibaca oleh penduduk kampung sebelum masuk ke hutan yang berfungsi sebagai tangkal juga. Tumbuhan seperti jerangau, hampas bonglai dan langkuas juga ditanam di luar rumah untuk mengelak hantu-hantu jahat. Selain daripada tujuan mengubati penyakit dan menolak bala, jampi dan tangkal boleh digunakan untuk mengelak hujan, menyeru kedatangan hujan, melembutkan hati orang dan mengelak daripada dibunuhi orang. Jampi dan tangkal ini telah dikumpul oleh pengkaji

setelah mendapat kebenaran daripada Encik San Ah Kin selaku Jurukerah Kampung. Di antaranya ialah:-

1. Tangkal Hujan Jangan Turun

Ekor kera ekor lutung bagi-bagi bawa batang
 Hau kudung atas batang
 Hujan ribut kau jangan datang
 Aku buka pintu matahari, buka lancang kuning
 Siah kiri, siah kanan
 Terbang tebuk lemah lembut
 Sana pohon Meranti
 Hujan ribut kau jangan kemari
 Asal kau saya tahu dari laut, pulang ke laut
 Sampai ke laut, putar mulas ekor anak pari
 Hujan ribut kau jangan ke mari
 Asal kau saya tahu dari laut, pulang ke laut
 Sampai ke laut, putar mulas ekor anak pari
 Hujan ribut kau jangan ke mari
 Siah kiri, siah kanan
 Kabulkan guru tua. (iaitu disebut nama guru asal pembaca tangkal sebanyak tiga kali dan tiup angin beberapa kali)

2. Jampi Hujan Turun

Aku tahu asal datang air laut dari laut
 Kau naik atas
 Kau timpa ke bumi
 Minta tutup pintu matahari
 Minta turun lancang kuning. (ludah 3 kali)

3. Tangkal Untuk Orang Jahat atau Garang

Paku tunduk paku gundang
 Tanam serasi atas batu
 Kasih tunduk kasih sayang kepada aku
 Aku pakai ibu ilmu penunduk
 Pagi kau ke laut
 Petang kau ke gunung
 Pagi kau termenung
 Petang kau tunduk kasih kepada aku
 Aku pakai ibu ilmu penunduk dalam diri tubuh
 aku(2kali)
 Kabulkan Allah, kabulkan Muhammad
 Kabulkan aku pengajar aku guru tua.

4. Sangkak bunuh

Ah! setitik, daun birah
 Kalau saya bersabar, mukak sangkak mati terbunuh
 Kalau tak bersabar, tak mukak sangkak aku mati
 terbunuh
 Aku pakai ibu ilmu sangkak bunuh
 Berulat garam di para, mukak sangkak mati
 terbunuh
 Kalau tak berulat garam di para, tak sangkak aku
 mati terbunuh
 Kalau berdaun santan berlesung, mukak sangkak
 mati terbunuh
 Tak berdaun santan berlesung, tak sangkak mati
 terbunuh
 Aku pakai ibu ilmu sangkak bunuh
 Kalau berdaun santan di mangkuk, mukak sangkak
 mati terbunuh
 Kalau tak berdaun santan di mangkuk, tak
 mukak sangkak mati terbunuh
 Aku pakai ilmu sangkak bunuh dalam diri tubuh
 aku
 Kabulkan aku pengajar guru tua,

Aku tangalkan sangkak bunuh dalam diri tubuh
aku
Siah kiri, siah kanan.

Adalah diperhatikan bahawa penggunaan Allah dan Muhammad dalam tangkal untuk Orang Garang atau Jahat semestinya berasal daripada ajaran Islam. Sinkretisme kepercayaan Islam boleh dikatakan ujud di sini. Pada keseluruhannya, penggunaan tangkal dan jampi masih boleh dikatakan sistem kepercayaan masyarakat Temuan Kampung Lubuk Bandung yang berfungsi sama dengan tangkal dan jampi masyarakat Melayu. Penduduk Kampung Lubuk Bandung menyangkal penggunaan tangkal dan jampi ialah berasal daripada masyarakat Melayu. Bagaimanapun, mereka tidak menolak adanya pertukaran ilmu-ilmu tangkal dan jampi di antara mereka. Selanjutnya, pengkaji menghuraikan pantang larang yang menjadi amalan biasa dalam kehidupan penduduk kampung dan juga membentuk sebahagian daripada kepercayaan mereka.

3.5 Pantang larang

Pantang larang masyarakat Temuan dapat dikategorikan kepada tiga jenis:-

- i) Pantang larang yang berkaitan dengan alam sekitar, contohnya mamang kuning, lidah tanah, ribut angin, hujan panas dan kemunculan pelangi.
- ii) Pantang larang yang berkaitan dengan binatang-binatang semulajadi seperti lebu, busut dan bunyi burung.
- iii) Pantang larang yang berhubungan dengan kegiatan manusia

seperti kempunan, ketulah, bersiul di rumah, bermimpi, menganyam daun mengkuang, mengumpul buluh, perkahwinan dan pengebumian.

Penghuraian jenis-jenis pantang larang ialah seperti berikut:-

i) Alam sekitar

Mamang Kuning

Satu keadaan apabila langit kelihatan amat kuning cerah khas pada waktu petang atau senja. Seseorang khasnya kanak-kanak dilarang keluar dari rumah kerana ditakuti ditimpa semangat tidak baik lalu demam.

Lidah Tanah

Lidah tanah merujuk kepada satu tempat yang bahagian kiri kanannya dikelilingi oleh sungai atau gaung dan berhujung tajam seperti lidah. Tempat tersebut pantang untuk didiami dan bermalam. Seseorang dinasihatkan meninggalkan tempat itu secepat mungkin.

Ribut Angin, Hujan panas dan Kemunculan Pelangi

Apabila keadaan cuaca sedemikian, seseorang digalakkan tinggal di rumah kerana dipercayai keadaan-keadaan tersebut ialah kesan ilmu hitam dan semangat jahat. Seseorang akan jatuh demam jika didekahkan di bawah keadaan tersebut.

ii) Binatang

Lebu, busut dan bunyi burung

Lebu merupakan larangan mentertawakan semua jenis binatang yang di sekeliling mereka. Seorang responden memberitahu pengkaji binatang sekecil cacing pun tidak boleh dipermainkan atau

ditertawakan. Jika tidak, hujan ribut dengan kilat guruh gemuruh akan menjatuhkan malapetaka kepada penduduk kampung. Dalam waktu yang singkat, seluruh kampung boleh lenyap begitu sahaja. Busut ialah sarang semut khasnya anai-anai. Penduduk kampung dilarang meludah, kencing dan mengeluarkan kata-kata kesat ke atasnya. Sementara itu, apabila seseorang mendengar bunyi burung helang Ak! Ak! Ak! tidak boleh menirunya, kalau tidak telinga peniru tersebut akan berkudis.

iii) Kegiatan manusia

Kempunan atau punan

Kempunan ialah keadaan di mana seseorang mesti makan atau sekurang-kurangnya menjamah makanan sebelum bekerja atau dijemput oleh tuan rumah. Jika tidak, seseorang akan ditimpa kemalangan sebaik sahaja meninggalkan rumah.

Ketulah

Penduduk kampung juga pantang menyebut nama mereka yang telah meninggal dunia untuk mengelak diri daripada menjadi malas. Pantang tersebut digelar ketulah.

Bersiul di rumah

Sementara itu, bagi mereka yang memakai tangkal di sekitar rumah untuk mengelakkan sebarang jin atau semangat jahat perlu berpantang seperti tidak boleh bersiul di rumah dan membaling barang ke dalam rumah.

Mimpi

Seseorang yang bermimpi tahi, kayu mati, buluh, makan pisang bererti kemalangan akan ditimpa, ada saudara sakit, akan

bertembung dengan ular dan ada orang mati. Maka, di antara mimpi ini, seseorang dilarang keluar dari rumah.

Menganyam tikar

Dalam proses menganyam tikar, daun-daun mengkuang dilarang dikutip dalam bulan mengambang. Jika terkena duri daun mengkuang tidak boleh menjerit-jerit. Seterusnya, bagi mereka yang tidak pandai menganyam dilarang melangkah daun mengkuang, jika tidak daun mengkuang akan mudah putus semasa menganyam.

Mengumpul buluh

Dalam pengumpulan buluh untuk pembinaan rumah, seseorang dilarang mengumpulnya sewaktu bulan mengambang juga kerana buluh-buluh yang dikumpul akan bertebuk iaitu berhablur dan tidak tahan lama. Pantang larang mengenai perkahwinan dan pengebumian akan disentuh dalam bab 5.

Daripada tiga jenis kategori pantang larang di atas, adalah didapati penduduk Asli Temuan Kampung Lubuk Bandung peka dan rapat dengan alam semulajadi dan kegiatan sehari-hari mereka. Nilai-nilai hidup dan moral juga dapat digambarkan melalui pelaksanaan pantang larang tersebut. Lebu misalnya menyeru masyarakat mencintai binatang, ketulah mengajak masyarakat menghormati golongan tua dan kempunan mengajak manusia bersopan menyambut baik pelawaan tuan rumah. Sinkretisme adalah sukar dikesan dalam aspek kepercayaan asas ini.

3.6 Cerita-cerita Dongeng

Akhir sekali, pengkaji mengutarakan cerita-cerita dongeng sebagai kepercayaan asas penduduk Kampung Lubuk Bandung. Cerita-cerita dongeng jarang diceritakan kepada golongan muda pada masa sekarang. Maka adalah sukar bagi pengkaji mendapatkan responden-responden dalam aspek ini. Pengkaji berpeluang mencatatkan beberapa cerita dongeng daripada anak lelaki penduduk kampung Encik Bujang Bidin iaitu saudara Enau yang membesar di Kampung Lubuk Bandung tetapi kini menetap di kampung Orang Asli Temuan isterinya di Negeri Sembilan. Apabila menyedari saudara Enau hanya bermalam satu hari di Kampung Lubuk Bandung, maka pengkaji tidak melepaskan peluang mencatatkan beberapa cerita dongeng daripada beliau sungguhpun beliau mengatakan sesetengah cerita perlu diceritakan pada sebelah malam. Pada sebelah senja, pengkaji sempat mencatatkan Cerita Tujuh Keturunan. Sebelah malam, pengkaji mencatatkan Cerita Riwayat Kura-kura dan sebelah pagi pada keesokan hari, sebelum saudara Enau bertolak balik, pengkaji mencatatkan Cerita Perhubungan Orang-orang Melayu dan Orang-orang Asli Temuan. Pada pendapat pengkaji kepandaian bercerita saudara Enau boleh berperanan seperti seorang penglipur lara.

Sebelum pengkaji menyampaikan ketiga-tiga cerita tersebut, pengkaji meminta maaf jika terdapat kekurangan daripada segi penyampaian cerita. Adalah didapati bahawa Cerita-cerita Sang Kancil, Batu Belah Batu Bertangkup, Cerita Hang Tuah yang ada pada masyarakat Melayu juga dikategorikan oleh penduduk Kampung

Lubuk Bandung sebagai cerita Orang Asli Temuan. Dalam hal ini, pengkaji tidak dapat mengenal pasti asal usul cerita-cerita rakyat ini. Apa yang pengkaji ingin tekankan ialah, cerita-cerita rakyat ini dapat memperlihatkan budaya dan pegangan hidup masyarakat Temuan Kampung Lubuk Bandung.

1. Cerita Tujuh Keturunan

Cerita ini dicatatkan pada waktu senja atas permintaan pengkaji. Cerita ini mengisahkan asal usulnya pelbagai etnik yang mendiami bumi ini. Adalah dipercayai pada satu masa dahulu, manusia adalah sebangsa dan sekeluarga yang terdiri daripada tujuh orang adik beradik. Setiap orang daripada adik-beradik mewakili pengasas atau nenek moyang kumpulan etnik tertentu di dunia sekarang. Abang sulung ialah nenek moyang Orang-orang Asli, adik kedua ialah nenek moyang Orang-orang Putih, adik ketiga ialah nenek moyang orang India, keempat ialah nenek moyang orang-orang Melayu, kelima dan keenam ialah nenek moyang lain-lain kumpulan etnik dan ketujuh iaitu adik bongsu ialah nenek moyang orang-orang Cina.

Etnik-etnik atau keturunan berbeza ini ujud adalah akibat perpisahan tujuh adik beradik tersebut. Perpisahan tersebut berpunca daripada peristiwa sampan terbalik di tengah lautan ketika tujuh adik beradik itu belayar. Dalam pelayaran tersebut abang sulung telah menyuruh adik bongsunya yang membawa buku menutup mata sepanjang pelayaran tersebut. Bagaimanapun, setelah beberapa lama belayar, adik bongsu telah membuka matanya.

Dengan tiba-tiba, sampan berpusing ditiup angin, laut bergelora dan sampan akhirnya terbalik di Gunung Tampin di Semenanjung Malaysia. Gunung Tampin dikatakan masih ada di Negeri Sembilan. Gelombang besar telah menghayutkan dan memisahkan ketujuh-tujuh adik beradik ke merata-rata tempat di permukaan bumi. Saudara Enau mengatakan Orang-orang Asli dan orang Melayu telah dihanyutkan ke Tanah Melayu manakala orang Cina telah dihanyutkan ke Negeri China. Adik bongsu yang paling dikasihi oleh abang-abang dihanyut ke China dikatakan menyesal telah menangis dengan sedihnya sehingga matanya menjadi kecil. Oleh itu, menurut Enau masyarakat Cina ramai bermata kecil. Menurut beliau lagi, orang Cina berkulit putih kerana adik bongsu yang berpakaian putih. Orang Asli dan Melayu tidak berpakaian putih lebih gelap kulitnya. Orang Cina juga lebih banyak bersekolah dan berpendidikan tinggi kerana mereka membawa buku bersama-sama selepas sampan terbalik.

2. Cerita Riwayat Hidup Kura-kura

Cerita ini amat menarik dan panjang. Cerita ini bermula dengan kura-kura menipu helang. Kura-kura memberitahu helang ada seorang puteri yang cantik di dalam sungai. Dengan tidak syak lagi helang basah kuyup mencari-cari baru sedar ia telah tertipu. Helang mengambil keputusan membala dendam. Ia menyakinkan kera ada juga puteri yang cantik di awan. Helang mengatakan ia sudi membawa kura-kura ke atas jika ia berminat. Pada kali ini, kura-kura pula tertipu. Pada sebelah tengah hari, helang mengangkatnya berterbang tinggi di awan dan melepaskannya ke

perigi buta yang sedepa dalamnya. Kulit kura-kura yang licin mulai retak kerana terdedah lama di bawah sang matahari. Keretakan tersebut kekal pada kulit kura-kura sehingga sekarang.

Setelah beberapa lama berada di bawah perigi buta, datanglah seekor kijang. Kura-kura sudah tentu tidak melepaskan peluang ini. Apabila terhidu bau busuk kentut kijang, kura-kura memuji kentut kijang amat wangi dan meminta kijang kentut sekali lagi. Kijang pun mendekatkan badan dan mengarahkan kentut ke dalam perigi. Dengan tidak berlengah-lengah lagi, kura-kura menggigit ekor kijang yang panjang menyebabkan kijang berteriak kesakitan berlari-lari dan kura-kura terkeluar daripada perigi buta. Oleh kerana kelaparan, kura-kura mengarahkan kijang mencarikannya tujuh busut iaitu longgokan cendawan sebagai syarat untuk melepaskan kijang. Kijang juga pandai. Pada permulaannya, ia telah mencari selonggok cendawan. Selepas itu, ia berlari-lari dengan menggunakan jalan yang lain tetapi tiba di longgokan cendawan yang sama. Setelah tujuh kali ia sampai ke longgokan cendawan yang sama, kura-kura yang letih tidak bermaya dibawa berlari itu pun melepaskan kijang. Dengan cepatnya kijang melarikan diri ke dalam hutan.

Selepas kura-kura habis makan satu busut cendawan, ia pun mencari-cari longgokan kedua yang dikatakan oleh kijang diletak berdekatan dengan busut cendawan pertama tetapi tidak dapat dicari. Setelah beberapa lama mencari, kura-kura baru sedar ia telah tertipu. Ia mengambil keputusan membala dendam. Kura-

kura telah mengikut jejak kaki kijang dan akhirnya menjumpai kijang tidur atas batu sungai. Dengan tidak membuang masa, dengan sekuat-kuat hatinya kura-kura memindahkan batu tempat tidur kijang di dasar sungai menyebabkan kijang yang terlena ditenggelami air lalu mati. Daging kijang dimakan dengan sepas-puas hatinya.

Selepas itu, kura-kura mengambil keputusan ingin belayar. Ia menjelma menjadi seorang pemuda. Sampan kura-kura diperbuat daripada kulit nibong. Tulang peha kijang dijadikan oleh kura-kura sebagai pengayuh. Dalam pelayaran tersebut, kura-kura dengan bangga melaungkan, "Laju, laju, sampanku laju." . Apabila tiba beberapa jeti kampung, hulubalang-hulubalang yang menjaga jeti akan menanyakan kura-kura, "Orang muda, awak ke mana ni ? ". Kura-kura akan menjawab, " Jauh punggung dari api !" Ini bererti ia ingin pergi ke satu tempat yang selamat dan beruntung kepadanya.

Apabila sampai ke kampung ketujuh, beliau mengambil keputusan berhenti belayar lalu naik ke darat. Ia memperkenalkan diri sebagai seorang pawang yang handal. Maka, raja telah menjemput ia mengubati puterinya yang sakit. Pada kali ini, kura-kura telah benar-benar berdepan dengan seorang puteri yang cantik. Maka ia tidak akan melepaskan peluang untuk memiliki puteri itu . Kura-kura mengarahkan raja dan pengikut-pengikutnya berpisah daripada dia dan puteri selepas tiga bulan supaya puteri dapat sembuh daripada penyakitnya. Raja bersetuju tetapi raja amat murka apabila mendapati puteri telah mengandung selama tiga

bulan dan melahirkan seekor kura-kura. Pada masa itu, kura-kura telah berjaya melarikan diri.

Raja mengarahkan hulubalang-hulubalangnya mencarikan kura-kura tetapi tidak berjaya. Atas pertolongan kutu babi yang mahir menyelam air, kura-kura akhirnya dapat ditangkap. Raja telah menjatuhkan hukuman bunuh ke atasnya. Bagaimanapun, raja tidak dapat memikirkan cara hukuman yang sesuai memandangkan kura-kura berkulit keras dan pandai melindungi sendiri dengan menghulurkan anggota badan ke dalam kulit kerasnya. Akhirnya raja menerima cadangan burung cawi menyumbat hidung kura-kura. Kura-kura amat marah kepada burung cawi yang tahu kelemahannya lalu menyumpah burung cawi tidak boleh tidur pada sebelah malam hari. Oleh itu, mata burung cawi sekarang bewarna merah ialah berasal daripada peristiwa ini. Oleh yang demikian, riwayat hidup kura-kura pun tamat di sini.

3. Cerita Perhubungan Orang-orang Melayu dan Orang-orang Asli Temuan

Adalah dikatakan bahawa perhubungan orang-orang Melayu dengan Orang Asli Temuan sangat rapat pada masa dahulu. Bagaimanapun, setelah satu pergaduhan berlaku dalam satu majlis makan, kedua-dua telah kurang rapat. Pergaulan mereka tidak lagi bebas. Masyarakat Temuan mengatakan ujudnya pelepas pisang di antara dua pihak. Ini bererti ujudnya sempadan di antara dua etnik ini. Dalam satu majlis makan yang diadakan oleh Orang Asli, makanan dihidangkan di atas daun pisang untuk semua tetamu

Melayu. Masakan makanan babi hutan menjadi hidangan utama. Semasa majlis makan ini dijalankan, pergaduhan telah berlaku di antara Orang Asli Temuan dan orang Melayu. Semenjak itu, masyarakat Melayu tidak lagi menjamah makanan babi untuk melupakan peristiwa pergaduhan tersebut. Oleh itu, pemahaman Orang Asli Temuan awal tentang pengharaman makanan babi di kalangan masyarakat Melayu ialah berasal daripada peristiwa pergaduhan tersebut dan bukan kerana agama Islam. Cerita-cerita dongeng ini sekali imbas banyak bersifat hiburan tetapi apabila diteliti ia sebenarnya logik dan bermakna. Cerita-cerita ini menggambarkan dan menjelaskan realiti hidup seperti taraf pendidikan Orang Asli yang masih tidak memuaskan, perhubungan di antara etnik, asal usul kulit kura-kura beretak dan burung cawi bermata merah.

3.7 Kesimpulan

Daripada penghuraian di atas, pengkaji telah menyentuh empat konsep besar iaitu roh atau semangat, keramat, nenek moyang dan penyembahan seperti yang dikemukakan dalam bab satu. Dalam beberapa konsep aspek kepercayaan asas, sinkretisme jelas berlaku di kalangan penduduk Kampung Lubuk Bandung. Salah satunya ialah cara penyembahan terhadap keramat dan nenek moyang ala masyarakat Cina yang menggunakan colok Cina, lilin merah berkaki kayu, wang kertas palsu, duit emas dan perak palsu, kemenyan Cina dan arak Cina tidak syak lagi ialah amalan dalam sistem kepercayaan Cina. Beberapa unsur ajaran Islam juga meresapi sistem kepercayaan masyarakat Temuan Kampung Lubuk Bandung seperti

konsep Allah dan Mohammad dalam jampi dan tangkal. Kajian juga mendapati banyak persamaan dalam aspek-aspek kepercayaan masyarakat Temuan tentang hantu, tangkal jampi, pantang larang dan cerita-cerita rakyat dengan kepercayaan masyarakat Melayu. Ini boleh disebabkan oleh faktor kedekatan dan sejarah seperti yang dikemukakan dalam bab satu. Dalam bab-bab berikutnya, sinkretisme adalah amat jelas dalam aspek-aspek perayaan-perayaan Cina masyarakat Temuan, kepercayaan dalam upacara perkahwinan Melayu atau Hindu dan kepercayaan dalam upacara pengebumian.




Penyembahan keramat atau Datuk di belakang rumah batin San Ka Chang semasa perayaan Kuih Chang.



Satu tempat pemujaan nenek moyang keluarga Pau ala Cina di rumah Makcik Liap.




Tumbuhan bernama bonglai boleh berfungsi sebagai tangkal di belakang rumah Pakcik Ahat.



Hantu Polong


Langsuir



Pontianak



Hantu Kubur




Hantu Raya




Hantu Toyol

Hantu Dondong




Hantu Semburu


Hantu Cempahak




Hantu Cennaku



Hantu Tinggi



Hantu Bohotak/Sekok



Hantu Bajos



BAB 4 Perayaan-perayaan Cina Dalam Masyarakat Temuan Kampung Lubuk Bandung

4.0 Latar Belakang Sambutan Perayaan-perayaan Cina

Tradisi menyambut perayaan-perayaan Cina merupakan amalan yang jarang berlaku di kalangan masyarakat Orang-orang Asli apatah lagi ia diamalkan secara kolektif iaitu melibatkan seluruh penduduk kampung. Oleh yang demikian, amalan itu semestinya ada faktor pendorong. Faktor yang jelas sekarang ialah tiga belas buah keluarga daripada jumlah lima belas buah keluarga terdiri daripada keturunan-keturunan hasil perkahwinan campur di antara perempuan Orang Asli Temuan dan lelaki orang Cina seperti dalam Carta 2 mengenai salasilah penduduk kampung. Penduduk kampung didominasikan oleh keturunan-keturunan hasil perkahwinan campur ini adalah disebabkan oleh sejarah migrasi penduduk Kampung Lubuk Bandung yang pada satu masa dahulu terdiri daripada Orang-orang Asli Temuan tetapi telah berpindah ke lain-lain kawasan semasa Perang Dunia Kedua dan zaman Darurat bermula pada tahun 1948.

Pada tahun tiga puluhan, seorang Cina sahaja telah mengahwini wanita Temuan menetap di Kampung Lubuk Bandung. Beliau menyambut perayaan dengan keluarganya sahaja tanpa penglibatan penduduk kampung yang lain. Apabila semakin ramai lelaki Cina mengahwini wanita Temuan bersama-sama dengan zuriat mereka membentuk peratusan penduduk yang paling besar di Kampung Lubuk Bandung, maka perayaan-perayaan Cina telah disambut

secara kolektif. Pasangan suami isteri lelaki Cina dan perempuan Temuan sejak tahun tiga puluhan adalah seperti berikut:-

Jadual 3:- Pasangan Perkahwinan Campur Cina -Temuan Pada Tahun-tahun 30an, 50an Dan 60an Serta Keturunan-keturunan Mereka.

Bil	Tahun	Pasangan lelaki Cina + Wanita Temuan	Keturunan (ikut abjad Jadual 2)
1	30an	San Fook (泰福) + Enam	Keluarga 2,4,7,8,9,10
2	30an	Tan Li Chin (陳礼正) + Chitam	Keluarga 13
3	50an	Chia Mok Seng(謝木生) + Piah	Keluarga 15
4	60an	Goh Kam (吳康) + Gopi	Keluarga 3*
5	60an	Pau Wei Lip (傅偉立) + Liap	Keluarga 5,6

* Mendiang Goh Kam ialah ayah tiri Encik Rahim atau Abang Rahim. Bapa asalnya ialah Atong merupakan seorang Cina juga.

Terdapat beberapa faktor membolehkan perkahwinan campur ini berlaku. Pertama, menurut banci awal tahun 1931, 1947 dan 1970 menunjukkan bilangan lelaki Cina melebihi bilangan perempuan Cina di daerah Jasin seperti jadual berikut:-

Jadual 4 : Nisbah Lelaki Cina dan Perempuan Cina Pada Tahun 1920an, 1940an dan 1960an di Daerah Jasin.

Tahun	Bilangan Lelaki Cina	Bilangan Perempuan Cina
1920an	9,255	3,916
1940an	9,348	7,298
1960an	12,359	11,599

Daripada angka-angka statistik ini, tidaklah hairan lelaki Cina berkebarangkalian tinggi mencari jodoh bangsa lain. Faktor

kedekatan juga membolehkan mereka yang tinggal berdekatan dengan perkampungan Asli tidak keberatan memperisterikan Orang Asli. Lebih-lebih lagi lelaki Cina itu mempunyai latar belakang yang tidak menarik minat golongan wanita sebangsa contohnya beliau seorang yang sudah beristeri tetapi tidak beranak, pernah bercerai atau berasal daripada keluarga yang tidak digemari oleh penduduk setempat. Sementara itu, ada di antara wanita Temuan yang kahwin dengan lelaki Cina ini terdiri daripada janda-janda atau mereka yang telah bercerai dengan suami dahulu. Oleh itu, mereka memerlukan seseorang membantu meringankan beban mereka khasnya yang mempunyai anak-anak. Bagaimanapun, tidaklah semua pasangan berlatar belakang sebegitu.

Selain daripada faktor keturunan dan warisan nenek moyang, penerimaan sistem perayaan Cina adalah sesuai dengan kehidupan mereka iaitu faktor rationaliti dapat dibincang di sini. Penduduk Kampung Lubuk Bandung boleh mengambil kesempatan pada hari-hari perayaan untuk berehat dan bersuka ria khasnya pada Tahun Baru Cina setelah sekian lama gigih berusaha mencari nafkah hidup. Tambahan lagi, tiada apa-apa perayaan tahunan dalam kebudayaan masyarakat Orang Asli. Kemeriahannya hanya didapati semasa hari-hari perkahwinan dan kelahiran. Adalah dimaklumkan bahawa tidak semua perayaan Cina disambut di Kampung Lubuk Bandung. Perayaan Tahun Baru Cina, Cheng Beng, Perahu Naga atau Kuih Chang, Pesta Kuih Bulan dan Dong Jie adalah di antara perayaan-perayaan yang disambut oleh penduduk Kampung Lubuk Bandung.

4.1 Perayaan Tahun Baru Cina

Tahun Baru Cina disambut selama lima belas hari adalah kepercayaan mengingatkan kejayaan menghalau binatang bernama nian yang mengancam ketenteraman penduduk negeri China pada zaman dahulu. Warna merah ialah punca pengunduran gergasi tersebut. Oleh itu, ia menjadi simbol warna Tahun Baru Cina. Kain merah dihiaskan di gerbang pintu, tang lung merah atau lantera digantung, ang pow iaitu sampul kertas yang berisi duit kecil bewarna merah, mercun bewarna merah dan kuih-muih juga ditanda titik merah melambangkan kegembiraan dan kebaikan. Bagaimanapun, pengkaji berpeluang bersama-sama mereka pada hari pertama Tahun Baru Cina mendapati perhiasan rumah masyarakat Temuan tidak menekankan warna merah. Namun, barang-barangan simbolik Tahun Baru Cina seperti ang pow merah, kuih bakul manis melekat, kuih muih, limau manis Cina dan mercun memang ada.

Sehari sebelum Tahun Baru Cina, penyembahan keramat dan nenek moyang diadakan mengikut cara penyembahan Cina seperti dalam huraiyan bab tiga. Pada sebelah malam pula, Tuan Nian Fan sebutan masyarakat Cina atau sebutan penduduk kampung Hari Mantai diadakan apabila seisi keluarga termasuk mereka yang bekerja di tempat lain bersama-sama berkumpul menikmati hidangan yang disediakan. Pada tengah malam, mercun merah dilepaskan menandakan Tahun Baru Cina bermula dan ang pow diedarkan. Penduduk kampung tidak menyambut dewa kekayaan pada ketika itu seperti yang digemari oleh masyarakat Cina.

Malahan, mereka tidak menyembah apa-apa dewa dewi Cina. Dewa dewi yang dimaksudkan ialah seperti Guan Yin, Guan Di, Toh Pek Kong dalam bahasa Hokkien, Dewa Monyet, Dewa Dapur dan sebagainya. Kesemua dewa ini disembah pada hari-hari tertentu sepanjang Tahun Baru Cina sama ada di rumah atau di tokong-tokong Cina. Ada penduduk kampung yang pergi sembahyang di tokong Cina seperti Tan Ah Kau. Kebanyakannya tidak menyembah kesemua dewa ini. Oleh itu, ini banyak menjimatkan perbelanjaan, masa dan tenaga. Kos penyembahan semasa perayaan di kalangan masyarakat Cina adalah tinggi. Perayaan disambut secara sederhana ialah satu tindakan yang bijak. Hari-hari perayaan tersebut digunakan untuk menyambut tetamu dan kunjung-mengunjungi di antara penduduk kampung dan sahabat-sahabat Cina di sekeliling mereka di samping menikmati kuih muih buatan sendiri. Hanya pada perayaan ini penduduk kampung berpeluang bercuti panjang untuk berehat selama lima hingga sepuluh hari.

4.2 Perayaan Cheng Beng

Perayaan Cheng Beng diadakan pada bulan ketiga dalam kalendar masyarakat Cina. Cheng Beng bererti terang dan bersih sesuai untuk mengunjungi kubur nenek moyang yang biasa dikenali oleh masyarakat Cina sebagai sao mu iaitu membersihkan tempat perkuburan(Lo, Dorothy,1958: 23). Penduduk Kampung Lubuk Bandung yang tidak mahir membaca kalendar Cina biasa diberitahu oleh kawan-kawan Cina. Cara penyembahan ke kubur nenek moyang adalah sama dengan masyarakat Cina. Peti harta diperbuat daripada kertas bewarna warni yang diisi dengan salinan pakaian,

kasut, perhiasan-perhiasan perseorangan dan wang dalam bentuk siling serta kertas dibeli untuk dibakar di tempat perkuburan nenek moyang. Sebilangan nenek moyang berbangsa Cina ditanam di tempat perkuburan Cina mengikut kawasan perkuburan persatuan dialeknya seperti Konsai, Hainam dan Hokien. Ada juga ditanam di tempat perkuburan berdekatan ladang getah di Kampung Lubuk Bandung. Beberapa wakil daripada setiap keluarga akan membawa barang-barang penyembahan seperti peti harta, colok, lilit, nasi, daging, sayur-sayuran, sup, arak Cina, kuih, buah-buahan ke tanah perkuburan pada waktu pagi. Bagi mereka yang ada tempat penyembahan nenek moyang di rumah, perlu diberikan sedikit penyembahan juga.

Terdapat empat keluarga yang bertindak sebagai wakil keturunan menziarahi nenek moyang di tanah perkuburan. Keluarga-keluarga tersebut ialah keluarga Pakcik Ahat mewakili keturunan mendiang San Fook, keluarga Makcik Liap menyembah yang mendiang suaminya Pau Wei Lip, Encik Chia Fong Sin mewakili keturunan yang mendiang Chia Mok Seng dan Encik Tan Ah Kau mewakili keturunan yang mendiang Tan Li Chin. Kepercayaan ini amat penting bersamaan dengan konsep Xiao dalam masyarakat Cina iaitu filial piety dalam bahasa Inggeris dan ketaatan dalam Bahasa Melayu. Konsep nenek moyang dipercayai sedia ada di kalangan masyarakat Asli tetapi kehadiran kepercayaan Cina telah menekankan lagi kepentingan konsep ini. Keturunan-keturunan Temuan Cina telah menerima daripada nenek moyang Cina tanpa banyak persoalan. Perayaan yang seterusnya ialah pada bulan lima

iaitu perayaan Duan Wu atau kuih Chang sebutan penduduk Kampung Lubuk Bandung.

4.3 Perayaan Kuih Chang

Perayaan ini dikenali dalam pelbagai nama. Perayaan ini bertujuan memperingatkan Chu Yuan, seorang pegawai tinggi yang bunuh diri di Sungai Melo pada 296 B. C. apabila amat sedih melihat kejatuhan tanah airnya di samping dituduh sebagai pengkhianat atas hasutan musuh yang dengki akan kebijaksanaannya.(Lo, Dorothy, 1958: 27) Masyarakat Cina yang menyayanginya telah membuatkan bunyi bising di atas perahu naga dan memasak makanan berbentuk segitiga dengan inti rempah dan daging dibalutkan dengan daun buluh dipanggil kuih Chang untuk dilemparkan ke dalam sungai supaya ikan-ikan memakan kuih Chang dan bukan mayat Chu Yuan. Perayaan ini diperaktikkan turun temurun sehingga hari ini. Penyembahan dewa dewi dan nenek moyang diadakan. Kuih Chang menjadi barang penyembahan utama. Perlawanan naga dan pertandingan membuat kuih Chang juga diadakan semasa perayaan.

Tidak semua penduduk Kampung Lubuk Bandung membuat kuih Chang memandangkan kerja-kerja yang terlibat banyak dan mengambil masa. Ini jelas daripada proses menyediakan bahan-bahan inti, memetik daun-daun buluh, mengeringkannya, merendam, mengikat hingga hal merebus. Pengkaji berpeluang bersama-sama merayakan hari kuih Chang di Kampung Lubuk Bandung. Kuih Chang berinti dua jenis iaitu daging ayam yang jarang dibuat oleh orang Cina dan daging babi yang biasa didapati di kalangan masyarakat Cina. Penyembahan keramat dan nenek

moyang diperhatikan oleh pengkaji juga. Sambutan perayaan adalah secara sederhana berbanding dengan masyarakat Cina khasnya dari segi penyembahan dewa dewi Cina.

4.4 Pesta Tang Lung

Pesta Tang Lung diadakan pada hari ke lima belas bulan lapan kalendar Cina. Kuih bulan dan tang lung menjadi simbol perayaan ini. Kuih bulan berbentuk bulat seperti bulan pertengahan bulan kelapan kalendar Cina. Bulan pada masa ini dikatakan paling bulat dan terang dalam setahun. Ia berinti pelbagai seperti kacang merah, kacang hijau, telur masin dan sebagainya. Kuih bulan pernah digunakan untuk menghalau keluar orang-orang Mongolia pada abad 14.(Lo, Dorothy 1958: 47) Penduduk Negeri Cina pada masa itu telah bersepakat melawan musuh setelah mendapat arahan dari sehelai kertas yang terselit dalam kuih bulan.

Ada legenda yang mengatakan hari perayaan itu ialah untuk mengingati seorang isteri pahlawan, Chan Er yang menetap di bulan bersama-sama seekor arnab setelah makan ubat tak uzur suaminya.(Lo, Dorothy, 1958: 44) Masyarakat Cina mempunyai amalan penyembahan bulan mengambang pada hari ini untuk menyembah dewi Chan Er di bulan. Selain daripada Chan Er dan arnab, seorang lelaki bernama Wu Kang juga berada di bulan. Beliau telah dihukum oleh dewa menebang pokok di bulan. Masalahnya ialah setiap kali sepohon pokok ditebang itu akan tumbuh semula dengan cepatnya. Maka kerjanya tidak ada penghabisan.

Pengkaji juga sempat menyambut Pesta Tang Lung di Kampung Lubuk Bandung pada sebelah malam. Adalah didapati penduduk Kampung Lubuk Bandung tidak menyembah bulan mengambang. Mereka setakat menyembah datuk keramat dan nenek moyang seperti mana perayaan dahulu untuk memohon berkat dan kemakmuran kampung. Kanak-kanak paling gembira dengan permainan Tang Lung bernyalakan lilin untuk menerangkannya. Mereka gemar memegangnya dengan sebatang kayu mengelilingi kampung.

4.5 Dong Jie

Perayaan ini disambut pada hari dua puluh dua bulan sebelas kalendar Cina menandakan musim sejuk sudah tiba dan berhampiran Tahun Baru Cina. Hari ini amat penting menandakan pertambahan umur setahun bagi seseorang menurut orang-orang tua.

Oleh itu, ada yang menganggap perayaan ini lebih penting daripada Tahun Baru Cina. Kuih Tang Yi sebutan penduduk kampung atau Dang Yuan sebutan Mandarin Cina dibuat daripada tepung pulut dan dicampur warna merah atau hijau ikut kegemaran seseorang berbentuk bulat dimasak dengan air gula Melaka dan daun pandan. Ia merupakan simbol utama dan bahan penyembahan utama dalam perayaan tersebut.

Perayaan ini tidak dipentingkan sangat. Hanya keluarga Encik Tan Ah Kau yang menyambutnya dari tahun ke tahun. Penduduk lain menyambutnya jika diinginkan. Makanan Tang Yi ini menurut mereka tidak digemari.

4.6 Kesimpulan

Daripada huraihan di atas, sinkretisme kepercayaan Cina adalah jelas berlaku di Kampung Lubuk Bandung. Perayaan Cina sebagai salah satu kepercayaan Cina telah diterima oleh masyarakat Temuan di Kampung Lubuk Bandung. Pengertian dan asal usul perayaan tidak ditekankan sangat. Yang dipentingkan ialah kemeriahinan dan kegembiraan yang terdapat pada satu-satu perayaan dan sebagai satu warisan daripada ibu bapa. Terdapat dua ciri utama sambutan perayaan Cina di Kampung Lubuk Bandung. Pertamanya, penyembahan datuk dan nenek moyang mesti diadakan dan keduanya, sambutan setiap perayaan adalah secara sederhana sahaja iaitu tidak melibatkan perbelanjaan yang banyak. Pada pendapat pengkaji ini ialah langkah yang bijak.

Adalah tidak juga semua perayaan Cina diamalkan misalnya Perayaan Hantu-hantu Lapar pada bulan tujuh kalender Cina yang disambut oleh generasi dahulu tidak dipraktikkan sekarang. Hari Kelahiran Putera Raja Laut yang popular di kalangan masyarakat Cina dikenali sebagai Kao Wong Yeh juga tidak disambut. Menurut penduduk kampung, setiap perayaan melibatkan perbelanjaan yang banyak dan tidak membawa erti yang besar jika menyambut setiap perayaan. Sambutan ke atas setiap perayaan adalah lebih ringkas berbanding dengan sambutan oleh masyarakat Cina. Walaupun terdapat perbezaan sambutan, pada dasarnya, perayaan-perayaan Cina disambut oleh masyarakat Temuan di Kampung Lubuk Bandung merupakan sesuatu yang menarik dan unik.



Pelbagai kuih muih dihidangkan semasa Perayaan Tahun Baru Cina.



Membuat kuih Chang dengan inti utama daging ayam.



Pemujaan nenek moyang semasa Perayaan Kuih Chang. Kedua-dua gambar menunjukkan yang mendiang San Fook dan Enam.



Kanak-kanak Kampung Lubuk Bandung bermain Tang Lung dalam Perayaan Pesta Tang Lung.

Bab 5 Upacara Perkahwinan Dan Pengebumian

5.0 Pendahuluan

Dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan sinkretisme di Kampung Lubuk Bandung dengan merujuk kepercayaan-kepercayaan dalam upacara-upacara perkahwinan dan pengebumian. Upacara-upacara ini merupakan satu warisan turun temurun. Dalam kajian ini, masyarakat Orang Asli Temuan menerima sebahagian besar upacara perkahwinan Melayu dan Hindu. Secara tidak langsung, fenomena sinkretisme berlaku dengan penerimaan kepercayaan Melayu atau Hindu semasa upacara perkahwinan dilangsungkan. Perlu dijelaskan bahawa upacara perkahwinan Melayu banyak dipengaruhi oleh upacara perkahwinan Hindu. Maka sinkretisme kepercayaan yang terlibat ialah kepercayaan Hindu sebenarnya. Fenomena ini dibincangkan dengan mendalamnya oleh Amran Kasimin(1989).

Dari segi pengebumian pula, terdapat unsur-unsur kepercayaan orang Cina di samping kepercayaan mereka sendiri. Kepercayaan Cina memang ada memandangkan sebahagian besar penduduk kampung ialah keturunan hasil perkahwinan Cina-Temuan. Jika mereka yang meninggal itu orang Cina, maka penduduk kampung akan mengebumikan jenazah ikut upacara Cina kecuali atas permintaan orang Cina itu sendiri supaya dikebumikan dengan upacara Orang Asli seperti yang berlaku pada yang mendiang Chia Mok Seng.

5.1 Upacara Perkahwinan

5.1.1 Peminangan

Pada zaman Pakcik Ahat dan generasi sebelumnya, merisik adalah perlu sebelum peminangan. Pada zaman sekarang, pasangan sudah lama berkenalan di antara satu sama lain, maka merisik tidak diperlukan. Oleh itu, peringkat pertama upacara perkahwinan ialah meminang. Semasa meminang, pihak lelaki akan diwakili oleh wali iaitu biasanya bapa saudara, batin, jenang dan orang-orang tua lain. Bujam akan dibawa bersama. Bujam merupakan satu beg empat segi yang diperbuat daripada daun mengkuang, diisi dengan daun sirih, buah pinang, kapur, gambir, tembakau, mancis dan dua cincin perak diikat pada bujam. Barang-barang yang dibawa mempunyai maksud tertentu. Cincin perak menunjukkan permintaan melamar yang sungguh dan penuh dengan harapan. Sirih, pinang, kapur, gambir, rokok dan tembakau pula ialah untuk mengetahui sama ada pihak perempuan sudi menerima lamaran tersebut. Jika pihak perempuan makan sirih itu bererti mereka menerima lamaran tersebut.

Bujam memainkan peranan yang amat penting dalam sistem perkahwinan masyarakat Temuan. Ia akan dipakai sepanjang upacara perkahwinan dijalankan. Pada satu masa dahulu, bujam berfungsi seperti kad jemputan. Jemputan dikira terima apabila seseorang telah menjamah sedikit daun sirih, pinang, kapur, gambir dan tembakau yang dibawa oleh ahli keluarga pengantin baru. Setelah lamaran itu dipersetujui, dua pihak akan menentukan hari pertunangan. Biasanya hari pertunangan akan ditetapkan dua hingga tiga minggu selepas peminangan.

5.1.2 Pertunangan

Bujam akan dipakai sekali lagi bersama-sama dengan hantaran seperti dua bentuk cincin perak biasanya cincin yang dipakai semasa peminangan, pakaian dan alat-alat perhiasan pengantin perempuan seperti gincu, bedak, cermin, anting-anting, rantai leher, sikat, gunting, jarum, benang dan lain-lain mengikut kemampuan pihak lelaki. Wali akan memakaikan cincin perak tersebut ke jari pasangan yang bertunang untuk mengesahkan pertunangan tersebut di khalayak ramai. Cincin emas tidak dipakai kerana menurut kepercayaan penduduk kampung, emas bersifat panas dan ini akan menyebabkan perhubungan bakal pengantin bersifat panas iaitu tidak bersefahaman kelak. Tempoh pertunangan ditentukan mengikut muafakat dua pihak. Ada yang bertunang selama sebulan, dua bulan atau tiga bulan. Jarang yang melebihi setahun. Dalam tempoh tersebut, pihak lelaki perlu memberi perbelanjaan hidup secara bulanan kepada bakal isterinya berjumlah di antara \$20 hingga \$100 mengikut kemampuan sehingga hari perkahwinan. Kenduri akan diadakan untuk tetamu yang hadir.

5.1.3 Majlis berinai, persandingan dan penikahan

Apabila tarikh perkahwinan ditentukan, pihak lelaki dan perempuan akan bersiap sedia melangsungkan majlis perkahwinan. Pada saat-saat tersebut, amalan gotong royong penduduk kampung sangat diperlukan. Ini merupakan satu tradisi kampung Orang Asli mahupun tradisi kampung masyarakat lain. Pada kebiasaannya, sehari sebelum penikahan, upacara berinai dijalankan. Daun inai yang telah ditumbuk hancur digunakan untuk disapu pada kuku-

kuku jari dan kaki pengantin-pengantin baru. Dalam kajian Amran Kasimin(1989: 67), beliau mengatakan penggunaan inai ialah pengaruh masyarakat Hindu. Daun inai mengikut kepercayaan Hindu dipercayai boleh memperlindungi pengantin-pengantin baru daripada serangan makhluk halus dan jahat. Pengantin-pengantin baru dikatakan berdarah manis. Pada keesokan pagi, pengantin perempuan didandan oleh Mak Andam yang akan mencukur bulu rompa pipi sebagai tanda membuang segala yang buruk. Mak Andam biasa mempunyai ilmu akan sentiasa melindungi pengantin perempuan daripada gangguan semangat jahat. Bayaran sebanyak RM7.00 atau RM7.70 diberikan kepada Mak Andam. Bayaran berangka tujuh digunakan kerana dipercayai ia membawa kebaikan kepada pengantin-pengantin baru. Penggunaan angka tujuh adalah kerap dalam upacara perkahwinan Melayu. Bagaimanapun, Amran Kasimin(1991: 138) mengatakan ia sebenarnya berasal daripada kepercayaan Hindu.

"The use of number seven in the Malay marriage ceremony compared with what is observed by Hindus in their marriage ceremony and many other activities, shows without exaggeration, the likely influence of the Hindus on the Malays."

Oleh itu, masyarakat Temuan secara tidak langsung telah menerap kepercayaan Hindu.

Pada sebelah petang, pengantin-pengantin baru ditemani oleh pengiring berarak di kampung menuju ke rumah pengantin perempuan. Pengaruh Melayu dan Hindu juga amat jelas pada tahap perkahwinan ini. Pokok manggar, payung, bunga telur, bunga

rampai dipakai. Pengantin-pengantin berpakaian Melayu atau barat mengikut kegemaran mereka. Jika pengantin bertanjak, keris akan dipakai untuk melambangkan semangat gigih seorang lelaki. Alat muzik yang dipakai ialah tambur atau sebutan penduduk Kampung Lubuk Bandung setambur dan gong. Bunga rampai, daun pandan, beras yang telah diwarnakan kuning dengan menggunakan kunyit dan air minyak wangi ditaburkan dan direnjiskan ketika perarakan dijalankan. Amalan ini sebagai cara untuk mengalu-alukan kedatangan raja sehari yang sedang dinanti-nantikan di samping menambah lagi kemeriahan.

Sememangnya pada anggapan penduduk kampung, sebegitu juga dengan masyarakat Melayu dan India, pengantin baru adalah diraikan sebagai Raja Sehari pada hari perkahwinan. Amalan merenjis ini menurut Amran Kasimin ialah berasal daripada masyarakat Hindu. Adalah dipercayai bahawa dengan amalan ini, segala jenis makhluk halus jahat yang berkeliaran menanti peluang menyakiti pasangan pengantin akan menjauhi mereka (Amran Kasimin, 1989: 83). Sesiapa yang ingin bersilat boleh menunjukkan kepandaian mereka dalam perarakan tersebut. Selepas berarak di kampung, jika pasangan pengantin ingin masuk ke rumah untuk upacara bersanding, kaki mereka perlu disiram air limau purut dicampurkan bedak wangi oleh ibu bapa pengantin-pengantin menandakan perhubungan kedua akan sentiasa baik dan membuang segala yang tidak baik.

Selepas bersanding, penikahan dijalankan oleh wali. Sebelum bernikah, mereka diberi pesanan dan nasihat panjang lebar oleh wali agar pasangan akan berkelakuan baik dan hidup aman damai selama-lamanya. Barang hantaran yang terlibat adalah seperti semasa hantaran pertunangan tetapi beserta dengan mas kahwin. Barang-barang ini akan dibuka untuk tatapan orang ramai.

Mas kahwin ialah dalam bentuk wang sebanyak \$56 untuk anak batin dan \$48 untuk anak penduduk yang lain. Mas kahwin tersebut akan dibahagikan kepada dua untuk setiap pihak pengantin yang seterusnya dibahagikan lagi di antara saudara mara. Saudara mara mesti menerima walaupun sesen atau sebiji gula. Penerimaan ini bermakna mereka sama-sama merestui pasangan pengantin baru tersebut dan berasa gembira dengan perkahwinan tersebut. Tradisi ini tidak terdapat pada upacara perkahwinan Cina, Melayu dan India. Selepas itu, pengantin baru perlu menuangkan teh untuk ibu bapa sebagai menghormati dan menghargai jasa-jasa mereka. Pelakuan ini ada pada upacara perkahwinan Cina yang amat menekankan penghormatan kepada orang-orang tua atau konsep xiao dalam amalan hidup mereka. Pada sebelah malam, joget lambak atau kugiran iaitu permainan muzik moden jemputan diadakan untuk meraikan tetamu. Saudara mara dan rakan-rakan yang tinggal jauh akan bermalam di Kampung Lubuk Bandung.

Daripada huraihan di atas, jelas menunjukkan bahawa upacara perkahwinan masyarakat Temuan mencontohi upacara perkahwinan Hindu atau Melayu iaitu bermula daripada meminang, bertunang,

berinai, bersanding sehinggalah bernikah. Walaubagaimanapun, perbezaan memang ada seperti daripada segi penggunaan bujam, peranan wali dan jumlah mas kahwin. Pada dasarnya, sistem perkahwinan yang dijalankan tanpa mengambil kira perbezaan-perbezaan kecil di atas masih memperlihatkan corak sistem perkahwinan Hindu atau Melayu. Sinkretisme daripada segi kepercayaan Hindu atau Melayu memang berlaku sepanjang upacara perkahwinan penduduk Kampung Lubuk Bandung. Oleh kerana penduduk Kampung Lubuk Bandung mencontohi upacara perkahwinan Hindu atau Melayu maka secara tidak langsung, mereka juga menerima kepercayaan Hindu atau Melayu. Kepercayaan memperlindungi pengantin-pengantin baru daripada serangan hantu-hantu atau semangat-semangat jahat dengan daun inai, limau purut, kunyit dan jampi. Di samping itu, pengantin perempuan pula perlu dicukur bulu roma pipi dan dijampi oleh Mak andam. Ditambah pula kepercayaan penggunaan angka tujuh membawa kebaikan juga diterima merupakan satu sinkretisme kepercayaan Hindu yang banyak dibincangkan oleh Amran Kasimin.

Persoalan yang timbul ialah faktor-faktor mendorong masyarakat Temuan menerap upacara perkahwinan Melayu atau India dan bukan masyarakat lain. Pada pendapat pengkaji, faktor utama ialah perhubungan awal dan perapatan masyarakat Orang Asli Temuan dengan masyarakat Melayu. Orang Asli Temuan awal dipercayai tidak mempunyai majlis perkahwinan seperti pada masyarakat Melayu. Kemeriah dan bersesuaian dengan kehidupan mereka telah mendorong mereka menerimanya. Satu perkara yang


perlu dijelaskan ialah sungguhpun upacara perkahwinan Melayu sendiri ialah satu peniruan daripada masyarakat India menurut Amran Kasimin, adalah tidak mungkin penduduk Asli mencontohnya terus daripada masyarakat India. Menurut Amran Kasimin masyarakat Orang Asli secara umumnya masih di pedalaman hutan dan menjalani kehidupan yang simple. Adalah tidak mungkin mereka tinggal berdekatan dan berhubung rapat dengan penduduk India.

5.2 Upacara Pengebumian

Huraian mengenai upacara pengebumian banyak berdasarkan hasil pemerhatian dan penyertaan Ching Thing Ho, pelajar Jabatan Antropologi dan Sosiologi yang membuat kerja lapangan berkumpul di bawah kursus AL204, Etnografi pada bulan Oktober, 1992 serta maklumat daripada Pakcik Ahat dan Encik Chia Fong Sin. Pengebumian yang dapat diperhatikan mengambil tempat di Kampung Bukit Seraya. Menurut Pakcik Ahat bin San Fook, pengebumian yang dijalankan di Kampung Bukit Seraya adalah sama seperti di Kampung Lubuk Bandung. Adalah dimaklumkan bahawa terdapat sebilangan penduduk Kampung Bukit Seraya menyambut perayaan-perayaan Cina dan menerap unsur-unsur kepercayaan Cina dalam kehidupan mereka. Mereka mengikut tradisi datuk nenek yang berbangsa Cina seperti di Kampung Lubuk Bandung.

Apabila seseorang anggota keluarga meninggal, pemberitahuan kepada saudara mara dan kawan-kawan sejiran sekampung akan disegerakan. Mayat tersebut akan dimandi dengan tangan atau

dahan pokok pisang. Selepas itu, ia akan dijaga rapi di rumah sehingga semua ahli keluarga terdekat kembali dari merata tempat. Pada amalan biasa, mayat tersebut harus dikebumikan dengan segera. Di kalangan penduduk Kampung Lubuk Bandung, tapak pengebumian dipilih berdekatan dengan ladang getah kecuali bapa berketurunan Cina, maka mayat mereka ditanam di tanah perkuburan Cina mengikut upacara Cina sepenuhnya. Pengebumian biasa bermula pada pukul dua petang. Mayat diedarkan dari rumah ke tapak perkuburan berkapankan kain putih sepanjang tujuh ela atau empat belas ela. Kadang kala keranda juga disediakan bagi mereka yang mampu. Sepanjang perjalanan ke kubur, wang-wang palsu ditaburkan. Ini merupakan tradisi Cina bertujuan mengelakkan roh-roh jahat mengganggu perjalanan roh jenazah. Setelah sampai ke tapak pengebumian, kerja menggali lubang dimulakan. Seketul tanah dari tapak pengebumian disimpan untuk digunakan menanda bahagian pusat jenazah. Lubang yang digali akan berbentuk liang lahad sedalam tiga atau empat kaki dalam. Bentuk lubang ini sama bentuknya dengan liang lahad masyarakat Melayu.



Dalam gambarajah atas, kawasan Y digunakan untuk mereka yang meletakkan mayat ke kawasan X. Dinding papan dijadikan sebagai alasan berbaring mayat dan satu lagi diletak condong untuk melindungi mayat daripada dihentak terus oleh tanah tanih. Apabila lubang selesai digali, kemenyan dan lilin diayunkan di dalam tempat pengebumian sebanyak tujuh kali. Menurut penduduk kampung, Encik Chia Fong Sin, tujuannya ialah menyeru orang yang meninggal jangan pandang balik ke dunia nyata dan rindu dengan saudara mara. Lilin yang terang akan memudahkan perjalanananya ke satu dunia lain. Mayat akan diletakkan dengan kepalanya menghala matahari terbenam. Anak-anak akan menanggalkan ikatan kain putih panjang yang mengikat mayat tersebut pada bahagian dada, pinggan dan kaki. Ini diikuti dengan kain bahagian muka.

Apabila peletakan mayat sudah siap, tanah pun ditimbus ke dalam lubang tetapi penimbusan ini dihentikan sementara pada pertengahan untuk upacara peletakan dahan-dahan pokok bersama-sama daun-daunnya. Dahan-dahan ini berfungsi seperti saluran pernafasan orang yang meninggal. Apabila lubang mayat hampir dipenuhi, dahan-dahan baru dicabut keluar. Tanah terus ditimbus sehingga mewujudkan satu bentuk kubur yang cembung. Tanah akan ditimbus lagi selepas tujuh hari dinamakan upacara menaik tanah. Jamuan makanan akan disediakan khas untuk mereka yang terlibat langsung dalam pengalian liang lahad. Jika tidak diadakan pada hari ke tujuh, maka ia perlu diadakan pada hari ke empat belas. Jamuan itu bertujuan mencuci tangan iaitu amalan berterima

kasih dan memberkati mereka yang membantu dalam kerja pengebumian supaya tidak ditimpa apa-apa peristiwa yang tidak menyenangkan.

Apabila selesai kubur tersebut, dua orang akan berdiri di dua belah kubur itu. Seorang menggunakan sebilah parang untuk mengetuk sebatang cangkul mengeluarkan bunyi dan selepas itu membalingkan kedua-dua alat kepada pihak kedua. Pihak kedua akan mengulangi perbuatan ketuk-ketuk itu dan membaling balik alat-alat tersebut kepada pihak pertama. Ketukan dan balingan ini dilakukan berulang alik sebanyak tujuh kali. Tujuannya ialah memberitahu orang yang telah meninggal dunia itu kurnya sudah siap dibina. Selepas itu, kemenyan, lilin, colok dibakar. Ketulan tanah yang melambangkan bahagian pusat mayat itu juga diletakkan pada tengah-tengah kubur itu. Ketulan tanah ini diikat dengan sehelai kain putih panjang dan dikukuhkan pada kedudukannya oleh dua batang kayu kecil yang tajam berbentuk seperti pahat. Nasi-nasi yang dibungkus dalam daun digantung pada bahagian atas kubur itu dengan menggunakan tali dan dahan pokok yang panjang.

Setelah semua ini telah disediakan dengan baik, seorang saudara akan menendangkan di penghujung kubur sebanyak tujuh kali dan terus melaung kuat-kuat memberitahu orang yang meninggal dunia tempat sekarang ialah kediaman barunya dan dipersilakan menikmati makanan yang disediakan untuknya. Selepas itu, colok, lilin warna merah dan wang kertas palsu akan dibakar sekali lagi. Ini merupakan unsur adat pengebumian Cina.

Upacara pengebumian diakhiri dengan pembersihan diri untuk mengelakkan daripada serbuan semangat-semangat jahat dan sesuatu yang tidak baik. Ini dapat dilakukan dengan pelbagai cara. Contohnya mencuci tangan dan kaki dengan air tepung tawar, disiram beras dari atas sebatang pokok atau menggunakan beberapa batang serai merenjiskan air tepung tawar ke atas badan orang yang menghadiri pengebumian. Ada juga yang membuat bunyi penyenggat untuk menakutkan hantu-hantu yang mengekori mereka yang hadir dalam upacara pengebumian. Jamuan makanan akan disediakan kepada semua para hadirin upacara pengebumian. Selain daripada jamuan ini dan jamuan hari ketujuh atau keempat belas, satu jamuan terakhir akan diadakan selepas seratus hari untuk menandakan perpisahan muktamad dengan mereka yang meninggal. Dalam tempoh seratus hari, kubur boleh ditembokkan dan diletak nesan. Kubur yang mendiang Enam selaku emak Pakcik Ahat telah ditembokkan seperti rekabentuk kubur Cina tetapi bernesan seperti nesan kubur masyarakat Melayu. Menurut Pakcik Ahat, tukang pembuat nesan Cina telah salah anggap pakcik sebagai seorang Melayu.

Secara keseluruhan, penerapan kepercayaan Cina adalah jelas berlaku di samping kepercayaan masyarakat Temuan sendiri. Persamaan dengan upacara pengebumian Melayu juga dapat dilihat daripada beberapa segi. Contohnya, bentuk lubang jenazah yang berbentuk liang lahad dan meletakkan sekeping papan secara condong ialah amalan biasa masyarakat Melayu. Tujuannya adalah sama iaitu melindungi badan jenazah daripada dihentak terus oleh

tanah tanih. Jamuan makan pada hari ketujuh, empatbelas dan seratus hari juga diamalkan oleh masyarakat Melayu. Malahan, jamuan ini dikenali sebagai kenduri arwah diadakan pada hari-hari ketiga dan keempat puluh juga (Syed Alwi Sheikh Al-Hadi, 1986: 51). Bagaimanapun, jamuan makanan ini dikatakan ialah perkara-perkara bid'ah iaitu kepercayaan yang bertentangan dengan sunnah Nabi Muhammad. Pengkaji juga mendapati bilangan tujuh selalu digunakan sepanjang upacara pengebumian seperti tujuh ela kain putih, tujuh kali lilin dan kemenyan diayunkan dalam lubang mayat, tujuh kali ketukan cangkul dan parang, tujuh kali tendangan ke atas kubur dan akhirnya jamuan pada hari ketujuh. Bilangan tujuh juga gemar dipakai semasa upacara perkahwinan. Menurut Amran Kasimin, bilangan tujuh atau angka tujuh ini juga gemar dipakai oleh masyarakat Melayu yang sebenarnya berasal daripada masyarakat India.

Sinkretisme adalah lebih jelas daripada segi penerapan kepercayaan Cina berbanding dengan kepercayaan Melayu dalam upacara pengebumian. Pengkaji mendapati persamaan sebahagian pelakuan dan kepercayaan yang diamalkan itu. Penerapan kepercayaan Cina adalah jelas kelihatan semasa penyembahan dengan menyalakan lilin merah, colok dan membakar wang-wang palsu. Semua barang penyembahan ini dibeli dari kedai-kedai Cina. Penduduk kampung yang berkemampuan, kubur akan ditembokkan dan diperhiasi dengan jubin putih bergambar lukisan Cina seperti pada kubur mendiang Enam ialah satu tradisi masyarakat Cina menembokkan dan mencantikkan tempat perkuburan. Tradisi

masyarakat Temuan menurut Encik Chia Fong Sin tiada amalan sebegini. Di samping kepercayaan masyarakat lain, kepercayaan penduduk kampung masih kukuh lagi khas langkah-langkah mengelakkan diri daripada serangan semangat jahat atau peristiwa malang dan kepercayaan yang diamalkan sepanjang upacara pengebumian.



Perkahwinan Encik Roslee dan Cik Roshima ala Melayu.



Bujam amat penting dalam upacara perkahwinan penduduk kampung.

Bab 6 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, sinkretisme antara kepercayaan Temuan dan kepercayaan Cina di Kampung Lubuk Bandung adalah sesuatu yang menarik. Sinkretisme kepercayaan Cina di kalangan Orang Asli ialah sesuatu yang agak baru apatah lagi ia melibatkan semua penduduk kampung. Secara umumnya, daripada perbincangan-perbincangan awal pengkaji boleh merumuskan fenomena sinkretisme ini melalui konsep-konsep roh dan semangat, keramat, nenek moyang, penyembahan, perayaan dan upacara. Sinkretisme kepercayaan Cina dapat dipaparkan melalui semua konsep yang dikemukakan secara langsung atau tidak langsung. Sinkretisme kepercayaan Melayu atau Hindu dapat dipaparkan melalui konsep kepercayaan-kepercayaan dalam upacara perkahwinan.

Sinkretisme kepercayaan Cina adalah jelas dalam konsep-konsep nenek moyang, keramat, penyembahan ala Cina, perayaan Cina dan upacara pengebumian. Konsep nenek moyang misalnya amat ditekankan oleh masyarakat Cina. Ini bersamaan dengan konsep Xiao yang diwarisi secara turun temurun. Penduduk Kampung Lubuk Bandung mewarisi kepercayaan ini secara langsung daripada nenek moyang Cina. Penyembahan dan pemujaan dijalankan pada setiap perayaan Cina dan upacara supaya keturunan-keturunan di Kampung Lubuk Bandung diberkati oleh nenek moyang. Dalam konsep keramat pula, istilah keramat berasal

daripada perkataan Arab yang dipercayai oleh masyarakat Melayu. Adalah dipercayai konsep keramat ini diterima oleh masyarakat Temuan hasil pergaulan awal di antara dua etnik iaitu disebabkan oleh faktor kedekatan yang telah dihuraikan dalam bab satu. Apa yang menarik ialah Keramat Kampung Lubuk Bandung diasaskan oleh penduduk Cina iaitu yang mendiang San Fook. Adalah didapati orang-orang Cina juga percaya Keramat dan biasa mengelarnya sebagai Datuk Kong. Maka penduduk juga menyebutnya sebagai Datuk selain daripada gelaran Keramat.

Sinkretisme dalam aspek keramat ini dapat dilihat daripada segi penyembahan ala Cina. Cara penyembahan ala Cina bermakna menggunakan barang-barang penyembahan colok Cina, lilin merah berkaki kayu, kemenyan, wang-wang kertas palsu, makanan dan minuman serta barang-barang simbolik untuk perayaan tertentu contohnya, kuih manis dan limau manis semasa Perayaan Tahun Baru Cina, peti-peti harta yang diperbuat daripada kertas semasa Hari Cheng Beng, kuih Chang semasa Pesta Kuih Chang, kuih bulan dan Tang Lung semasa Pesta Tang Lung dan kuih Yi semasa Pesta Dong Jie. Dalam sistem kepercayaan Cina, penyembahan kepada nenek moyang, dewa dewi atau kuasa-kuasa luar amat penting dan tidak boleh dibuat secara remeh temeh. Barang-barang penyembahan adalah banyak dan pelbagai. Adalah dipercayai barang-barang penyembahan ini akan diterima oleh nenek moyang, dewa dewi atau kuasa-kuasa luar. Ia bertujuan mengambil hati pihak yang disembah supaya memberkati penyembahnya.

Dalam aspek perayaan pula, perayaan yang disambut oleh penduduk Kampung Lubuk Bandung ialah perayaan Cina seperti Tahun Baru Cina, Hari Cheng Beng, Pesta Kuih Chang, Pesta Tang Lung dan Dong Jie. Sinkretisme kepercayaan Cina amat jelas di sini. Aspek sinkretisme ini penting dan unik. Dalam upacara pengebumian pula, sinkretisme kepercayaan Cina adalah jelas daripada aspek penyembahan dan perhiasan kubur.

Sinkretisme kepercayaan Melayu atau Hindu amat jelas dalam kepercayaan semasa upacara perkahwinan ala Melayu atau Hindu dilangsungkan di Kampung Lubuk Bandung. Kepercayaan Melayu atau Hindu dapat dikesan dalam aspek penggunaan daun inai, limau purut, kunyit dan jampi untuk mengelakkan pengantin-pengantin baru daripada serangan semangat-semangat jahat. Pengantin perempuan dikatakan perlu dicukur bulu romu pipi dan dijampi oleh Mak Andam untuk membuang segala yang buruk. Kepercayaan angka tujuh membawa kebaikan juga diterima oleh masyarakat Temuan. Kepercayaan ini sebenarnya berasal daripada masyarakat Hindu yang banyak dibincangkan oleh Amran Kasimin(1989). Dalam pada itu, terdapat sebahagian besar kepercayaan penduduk kampung yang mempunyai persamaan dengan etnik lain khas kaum Melayu. Persamaan ini terdapat dalam aspek kepercayaan roh dan semangat, keramat, hantu-hantu tertentu, tangkal dan jampi, pantang larang, cerita-cerita dongeng dan pengebumian. Kesemuanya mempunyai persamaan dengan masyarakat Melayu.

Adalah ditegaskan masyarakat Temuan masih berpegang kuat dengan sistem kepercayaan mirip animisme mereka di samping kepercayaan Cina, Melayu atau Hindu. Ini sejajar dengan teori struktur Levi-Strauss(1963) yang mengatakan struktur nilai-nilai dan kepercayaan asal masih boleh dikekalkan pada kumpulan masyarakat tertentu walaupun mengalami transformasi atau penerimaan pengaruh-pengaruh luar mengikut perkembangan masa. Hampir kesemua konsep yang dikemukakan sudah sedia ada di kalangan masyarakat Temuan iaitu roh dan semangat, kuasa-kuasa luar yang digelar datuk, nenek moyang, penyembahan dan upacara kecuali perayaan yang jelas kelihatan daripada kepercayaan Cina.

Kepercayaan masyarakat Temuan banyak dibincangkan dalam bab tiga melalui aspek-aspek roh dan semangat, keramat, nenek moyang, jenis-jenis hantu, tangkal, jampi, pantang larang serta cerita-cerita dongeng. Sistem kepercayaan mereka sendiri juga dapat dikesan dalam sistem pengebumian. Pelbagai cara-cara mengelakkan diri daripada serangan semangat jahat seperti menaburkan beras, mencuci anggota badan dengan air tepung tawar, menggunakan serai sehingga membuat bunyi penyenggat. Konsep keramat dan nenek moyang dipercayai sudah sedia ada di kalangan masyarakat Temuan. Kepercayaan lain yang diterapkan masuk ialah daripada aspek cara penyembahan yang dianggap sesuai untuk menghormati dan mengambil hati keramat dan nenek moyang. Jika diteliti, kepercayaan-kepercayaan Cina, Melayu atau Hindu yang diterima adalah selari dengan kepercayaan yang mirip animisme

mereka. Penerapan kepercayaan asing ini memperkayakan sistem kepercayaan penduduk kampung.

Akhir sekali, pada pendapat pengkaji, fenomena sinkretisme telah memperkayakan kehidupan penduduk-penduduk Kampung Lubuk Bandung. Fenomena sinkretisme yang berlaku tanpa paksaan adalah satu perkembangan yang sihat. Bagaimanapun, jika terdapat pertentangan di antara kepercayaan-kepercayaan yang diamalkan, maka ia akan menimbulkan persoalan-persoalan dan masalah kepada penganut-penganutnya. Kehidupan penduduk kampung adalah aman damai dengan kehadiran sinkretisme. Justeru itu, sinkretisme telah membawa perhubungan erat dengan penduduk Cina khasnya dan masyarakat lain amnya. Pengkaji mendapati daripada temuramah-temuramah dengan penduduk Kampung Parit Keliling dan Simpang Bekoh, sambutan perayaan-perayaan Cina di kalangan penduduk Kampung Lubuk Bandung menjadi satu kebanggaan mereka. Oleh itu, semasa Tahun Baru Cina misalnya, lawat melawat di antara dua pihak adalah perkara biasa. Pada hari-hari biasapun, interaksi dan saling tandang menyandang juga berlaku di antara penduduk-penduduk di Kampung Lubuk Bandung, Kampung Parit Keliling, di kedai-kedai Simpang Bekoh atau di mana-mana sahaja mereka bertemu. Perhubungan dengan masyarakat lain juga rapat. Keupayaan penduduk kampung berbahasa Melayu memudahkan interaksi di antara kaum.

Pada pendapat pengkaji, fenomena sinkretisme khas daripada aspek kepercayaan Cina telah secara tidak langsung

mempertingkatkan taraf hidup penduduk Kampung Lubuk Bandung. Perniagaan dua hala berlaku di antara dua pihak iaitu penduduk Kampung Lubuk Bandung dan peniaga-peniaga Cina. Penduduk kampung mendapatkan kebanyakan keperluan-keperluan perayaan Cina semasa Tahun Baru Cina, Cheng Beng, Pesta Kuih Chang, Pesta Kuih Bulan dan Pesta Kuih Yi daripada peniaga-peniaga Cina. Malahan kebanyakan barang-barang keperluan harian juga dibekalkan oleh peniaga-peniaga Cina. Sebaliknya, orang-orang Cina menjadi pelanggan utama hasil pertanian seperti getah dan koko serta binatang-binatang buruan penduduk kampung. Falsafah ekonomi Cina yang berasaskan usaha gigih, jujur dan tabah menghadapi cabaran banyak mempengaruhi penduduk kampung. Bertambah pula dengan datuk-datuk Cina yang dikatakan gigih dan rajin, keturunan-keturunan mereka turut mewarisi sifat-sifat baik tersebut. Oleh itu, tidak hairanlah penduduk Kampung Lubuk Bandung muncul sebagai kampung Orang Asli terkaya di Melaka. Pada keseluruhannya, sinkretisme membawa kesan yang baik ke atas kehidupan penduduk kampung. Penduduk kampung telah menerap sebahagian kepercayaan-kepercayaan asing yang sesuai dengan kehidupan mereka.

Bibliografi

- Abdullah Taib
 1985 Asas-asas Antropologi.
 Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amran Kasimin
 1989 Istiadat Perkahwinan Melayu, Satu Kajian Perbandingan.
 Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 1991 Religion and Social Change among the Indigenous People of the Malay Peninsula.
 Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizah Kassim
 1978 "Orang-orang Temuan di Kampung Guntur" Dalam journal Manusia dan Masyarakat, siri baru, Jilid 1, Prof. Dr. A. Kahar Bador(ketua pengarang), hlm.1-9, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya.
- Badariah Ismail
 1973/74 Kekeluargaan dan Perkahwinan di kalangan Masyarakat Temuan di Kampung Guntur, Negeri Sembilan.
 Latihan Ilmiah,
 Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya.
- Baharon Azhar bin Raffie'i
 1973 Parit Gong: an Orang Asli community in transition.
 Tesis Ph. D., Cambridge: University of Cambridge.
- 1976 "The Temuan and the wider society: Integration and Assimilation" Dalam The Nascent Malaysian Society, Dahlan H. M.(ed.), hlm. 39-52,
 Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- 1983 "The Temuan in Melaka" Dalam MELAKA, The Transformation of A Malay Capital C. 1400-1980, Volumn 2, hlm.3-29,
Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Bustami Yahya
1979/80 Sistem Kekeluargaan dan Perkahwinan di dalam komuniti Temuan, Kampung Bukit Tadom, Banting, Kuala Langat, Selangor. Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya.
- Carey, Iskandar
1976 Orang Asli: the aboriginal tribes of Peninsular Malaysia. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Chander, R. ed.
1977 Laporan Am Banchi Penduduk Malaysia 1970. Kuala Lumpur.
- Cormack, J. G., Mrs.
1927 Chinese Birthday, Wedding, Funeral and other Customs. Peking: China Booksellers.
- Del Tufo, M. V.
1949 A Report on the 1947 Cencus of Population. London: Crown Agents For The Colonies.
- Endicott, Kirk, ed.
1983 Orang Asli Studies Newsletter. Hanover, NH.: Department of Anthropology, Dartmouth College.
- Gimlette, John D.
1991 Malay Poisons and Charm Cures. Singapore: Oxford University Press Pte. Ltd..

- Hawkins, Joyce M. ed.
 1986 The Oxford Reference Dictionary.
 Oxford: Clarendon Press.
- Jaharah bte. Musa
 1973/74 Kekeluargaan dan Perkahwinan di kalangan masyarakat Temuan di Kampung Guntur, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Latihan Ilmiah,
 Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya.
- Kardiner, A. & Preble, E.
 1961 They Studied Man.
 New York: New American Library.
- Lee Kok Joo
 1976 Kampung Lubok Bandong: A Temuan Community of Malacca State. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Levi-Strauss, Claude
 1963 Structural Anthropology, hlm. 1-27,
 New York: Basic Books.
- Lo, Dorothy
 1958 Chinese Festivals in Malaya.
 Singapore: Eastern University Press.
- Mohd. Taib Osman
 1989 Malay folks Belief, An Integration of Disparate Element.
 Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- McHugh, J. N.
 1957 "The Malay Hantu". Dalam Straits Times Annual. hlm. 58-59, Singapore: Straits Times Press.

- Pelto, P. J. & Pelto, G. H.
 1978 Anthropological Research.
 London: Cambridge University.
- Rahana Bt, Said
 1993 Perkara-perkara Khurafat dan Bid'ah Di Sekitar Upacara Kematian Masyarakat Melayu: Kajian di Kuala Terengganu.
 Latihan ilmiah, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya.
- Syed Alwi Sheikh Al-Hadi
 1986 Adat Resam dan Adat Istiadat Melayu.
 Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Skeat
 1984 Malay Magic. Singapore: Oxford University Press.
- Taylor, E. B.
 1974 Primitive Culture; researches into the development of mythology, philosophy, religion, language, art and custom,
 Vol. 1 & 2. New York: Gordon Press.
- Vlieland C. A.
 1931 A Report on the 1931 Census.
 Malayan Information Agency, Charing Cross.
- Wan Hashim et. al. ed.
 1980 Kaedah Penyelidikan Sosial.
 Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Ahmad bin Haji Zainudin
 1979/80 Sistem Kepercayaan orang-orang Temuan di Kampung Bukit Tadom, Banting, Selangor. Latihan ilmiah,
 Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya.